

**TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP  
PELAKSANAAN MODEL PENGAJARAN SIMULASI  
BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

**SUHAIMI BIN HJ.MUHAMAD**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦**

**JUDUL : TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN MODEL  
PENGAJARAN SIMULASI BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

**SESI PENGAJIAN : 2007/2008**

Saya : **SUHAIMI BIN MUHAMAD**

Mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
1927 B QRTS SMKA Bandar Penawar  
81900 Kota Tinggi, Johor

PROF. DR. ZAITUN BT. HJ. SIDIDN  
Nama Penyelia

Tarikh : 29 OKTOBER 2007

Tarikh : 29 OKTOBER 2007

- CATATAN
- \* Potong yang tidak berkenaan
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dijelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

### **Pengesahan Penyelia**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai daripada segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)”.

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : Prof. Dr. ZAITUN BT. HJ. SIDIN

Tarikh : 29 OKTOBER 2007

**TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN MODEL  
PENGAJARAN SIMULASI  
BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

SUHAIMI BIN MUHAMAD

Projek ini Dikemukakan  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

Oktober 2007

## **Pengakuan**

“Saya akui karya ini adalah hasil karya  
saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan  
yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :

Nama Penulis : SUHAIMI BIN MUHAMAD

Tarikh : 29 OKTOBER 2007

## **Dedikasi**

Teristimewa untuk Baba, Cik dan Cik yang sentiasa  
mendoakan kejayaan dan kebahagiaan,  
Buat isteri tersayang yang selalu memberi sokongan dan semangat,  
Dan  
Untuk anakanda tercinta Muhamad Shakireen dan Muhamad Syafi Imtiaz,  
Semoga sentiasa menjadi anak-anak yang berbakti kepada ibu dan bapa  
serta mendapat keberkatan dan kejayaan di dalam kehidupan.  
Juga  
Kepada keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantu.

## **Penghargaan**

Alhamdulillah, segala pujian di rafa'kan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan izinNya projek ini dapat disempurnakan.

Saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada penyelia projek, Prof. Dr. Zaitun Bt. Hj. Sidin di atas segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang telah dihulurkan sepanjang tempoh penyelidikan projek ini dijalankan. Ribuan terima kasih kerana terus memberi nasihat, teguran dan bimbingan tanpa jemu-jemu sehingga projek ini sempurna dilaksanakan.

Sekalung penghargaan juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah membiayai pengajian selama ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga Jabatan Pelajaran Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi, Pengetua-pengetua sekolah yang terlibat dalam kajian ini dan juga kepada guru-guru yang sudi memberi kerjasama dan maklumbalas .

Akhir sekali tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu menyiapkan projek ini.

Terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan kesediaan guru terhadap pelaksanaan pengajaran berasaskan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Aspek pendedahan, pengalaman dan kesediaan guru Pendidikan Islam mengajar melalui kaedah simulasi ditekankan dalam kajian ini. Populasi kajian ini ialah guru-guru Pendidikan Islam di 10 buah sekolah menengah di Daerah Kota Tinggi, Johor. Seramai 50 orang guru dipilih sebagai sampel dalam kajian ini yang mewakili sekolah bandar dan luar bandar. Reka bentuk kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina oleh pengkaji sendiri sebagai instrument untuk mengenalpasti tahap kesediaan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di luar bandar lebih bersedia untuk menggunakan kaedah simulasi dalam pengajaran mereka berbanding guru-guru yang berkhidmat di kawasan bandar. Adalah diharapkan dengan terhasilnya kajian ini nanti akan memberi manfaat kepada para guru dalam pengajaran mereka, begitu juga kepada pendidik dan barisan pensyarah di Institut Perguruan dalam melaksanakan program latihan perguruan dan kepada barisan penggubal kurikulum agar menjadikannya model pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru di sekolah.

## **ABSTRACT**

This research is discusses Islamic studies teachers readiness towards incorporating simulation strategies in their classroom teaching. It focusses on their exposure, experience and ability to teach using simulation techniques. The respondents are 50 Islam teachers currently in 10 secondary schools in the district of Kota Tinggi, Johor. These teachers represent both urban and rural school. The instrument used in this study is questionnaire developed by the researcher. This study showed that rural school teachers are more willing to use simulation techniques in their teaching, comparatively with their urban counterparts. In addition majority of Islamic studies teachers have been exposed to simulation teachniques or strategies either through their pre-service or inservice course. It is hoped that the research findings will benefit teachers in their teaching and learning techniques. The other educators and lectures in the teaching institutes can also benefit from the finding through the teaching programe carried out in institute. It will also be beneficial to the curriculum designer to use this model as the framework for the teachers in school.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1	Pendahuluan 1
	1.2	Latar Belakang Kajian 3
	1.3	Pernyataan Masalah 12
	1.4	Objektif Kajian 13
	1.5	Persoalan Kajian 14
	1.6	Rasional Kajian 14
	1.7	Kerangka Teori Kajian 17
	1.8	Skop Dan Batasan 20
	1.9	Definisi Operasi 21
	1.10	Penutup 21
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
	2.1	Pendahuluan 22
	2.2	Konsep Kurikulum Pendidikan 23
	2.3	Konsep Kurikulum Pendidikan Islam 24
	2.4	Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam 26
	2.4.1	Prinsip-prinsip Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. 27
	2.4.2.	Kepentingan Konsep Dan Pendekatan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. 28
	2.4.3	Strategi Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran 31
	2.4.4	Strategi Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. 33

2.5	Beberapa Isu Tentang Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Dan Cabaran Pada Masa Akan Datang.	36
2.6	Kaedah Simulasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	
2.6.1	Pengertian Dan Kepentingan Simulasi	38
2.6.2	Ciri-ciri Simulasi	40
2.6.3	Strategi Pelaksanaan Simulasi	41
2.6.3.1	Memimilh Peristiwa Yang Sesuai	41
2.6.3.2	Pengenalan Kepada Pelajar	41
2.6.3.3	Penyediaan Bahan	41
2.6.3.4	Pemilihan Peserta	42
2.6.3.5	Perbincangan Pada Akhir Simulasi	42
2.7	Kajian-kajian Lepas Berkaitan	42
2.7.1	Kajian Luar Negara	44
2.7.2	Kajian Dalam Negara	46
2.8	Penutup	48

### **BAB III      METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	50
3.4	Instrumen Kajian	51
3.4.1	Kajian Rintis	54
3.5	Prosedur Kajian	55
3.6	Analisis Data Kajian	56
3.7	Penutup	57

## **BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Latar Belakang Responden	59
4.2.1	Jadual Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikuti Lokasi Sekolah	59
4.2.2	Jadual Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikuti Jantina	60
4.2.3	Jadual Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikuti Pengalaman Mengajar Pendidikan Islam	60
4.3	Maklumbalas Responden Terhadap Persoalan Kajian	61
4.3.1	Jadual Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Aspek Pendedahan Guru Mengenai Model Pengajaran Simulasi.	62
4.3.2	Jadual Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Aspek Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menggunakan Model Pengajaran Simulasi Dalam Proses Pengajaran	64
4.3.3	Jadual Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Aspek Kesediaan Guru Pendidikan Islam Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi Dalam Pengajaran.	67
4.3.4	Jadual Peratusan Pendedahan Guru Pendidikan Islam Mengenai MPS Mengikuti lokasi sekolah	69
4.3.5	Jadual Peratusan Keupayaan Guru Pendidikan Islam Mengenai MPS Mengikuti Lokasi Sekolah	72
4.3.6	Jadual Peratusan Keupayaan Guru Pendidikan Islam Mengenai MPS Berdasarkan Pengalaman Mengajar	74
4.4	Penutup	78

<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI</b>	
5.1	Pendahuluan	80
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	81
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	84
5.3.1	Tenaga Pengajar	85
5.3.2	Pendedahan Model Pengajaran Simulasi Di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam	86
5.3.3	Pengalaman Yang Dimiliki Oleh Guru-guru Pendidikan Islam Tentang Model Pengajaran Simulasi.	87
5.3.4	Kesediaan Guru-guru Pendidikan Islam Untuk Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi Dalam Mata pelajaran Pendidikan Islam.	88
5.4	Implikasi Dan Cadangan Kajian	89
5.4.1	Implikasi Kajian	89
5.4.2	Cadangan Kepada Pihak-pihak Yang Berkenaan	91
5.4.3	Cadangan Kajian Lanjutan	91
5.5	Penutup	92
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	93
	<b>LAMPIRAN</b>	101

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan item-item soal selidik	53
3.2	Kod, item, bilangan item, pekali kebolehpercayaan Alpha bagi setiap aspek pendedahan, pengalaman dan tahap kesediaan.	55
4.2.1	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi sekolah	59
4.2.2	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	60
4.2.3	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar pendidikan Islam.	60
4.3.1	Jadual maklumbalas responden terhadap setiap item aspek pendedahan guru mengenai model pengajaran simulasi.	62
4.3.2	Jadual maklumbalas responden terhadap setiap item aspek pengalaman guru mengenai model pengajaran simulasi.	64
4.3.3	Jadual maklumbalas responden terhadap setiap item aspek kesediaan guru mengenai model pengajaran simulasi.	67
4.3.4	Jadual peratusan pendedahan guru Pendidikan Pendidikan Islam mengenai model pengajaran simulasi mengikut lokasi sekolah.	69

4.3.5	Jadual analisis peratusan keupayaan guru Pendidikan Islam mengenai model pengajaran Simulasi mengikut lokasi sekolah.	72
4.3.6	Jadual analisis peratusan keupayaan guru Pendidikan Islam mengenai model pengajaran Simulasi berdasarkan pengalaman mengajar. ( Bilangan responden yang menjawab “YA”)	74

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka teori kajian	17

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik kajian	101
B	Kebolehpercayaan kajian rintis	108

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan Islam adalah merupakan salah satu daripada mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat sekolah rendah dan menengah, dengan bermatlamatkan untuk melahirkan insan soleh yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak. Sehubungan dengan itu, Pendidikan Islam mesti diperkenal dan diajar sebagai al Din, bukan sekadar menyampaikan maklumat dan pengetahuan semata-mata tetapi hendaklah diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu muslim yang beriman kepada Allah S.W.T. Mohamad Kamal (1988) menyebut bahawa Pendidikan Islam pada hakikatnya bukanlah satu mata pelajaran yang cuba menyampaikan satu maklumat yang sempit dan kaku, malah merupakan satu sistem dan gagasan pembentuk prinsip dan cara hidup berasas sumber wahyu yang diturunkan sebagai panduan kehidupan manusia sepenuhnya

Realiti pada hari ini jika dilihat kepada konsep pedagogi Pendidikan Islam lebih menekankan kepada keupayaan dan kebolehan pelajar mengetahui dan

menghafal. Pelajar tidak memahami dan menghayati asas prinsip Pendidikan Islam dan mempelajari Pendidikan Islam dengan berkesan, menyebabkan pelajar akan cepat merasa bosan. Menurut Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1993 ) satu perkara yang amat ketara dalam pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam masa kini ialah tumpuan yang berlebihan kepada bidang kognitif. Bidang afektif dan psikomotor kurang diberikan perhatian, malahan dalam bidang kognitif tumpuan ialah kepada pengumpulan maklumat dan hafalan. Usaha meningkatkan daya berfikir, analisis, sintesis, kreatif dan pemikiran tinggi kurang diberikan perhatian malahan mungkin diabaikan.

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam reformasi kurikulum perlu memberikan pertimbangan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik berpaksikan ilmu pengetahuan, teori dan aplikasi secara kontekstual dalam kehidupan mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar ( Kementerian Palajaran Malaysia 2002 ). Perubahan yang dapat membawa kepada pencapaian standard yang diharapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dapat dimulakan dengan pedagogi pendidikan iaitu pelaksanaan model pengajaran simulasi .

Kebanyakan murid belajar dengan berkesan melalui pengalaman pengelibatan peribadi, aktiviti “hands- on” dan peluang untuk penemuan sendiri ( Pusat Perkembangan Kurikulum 2001). Proses pengajaran dan pembelajaran bukan lagi berpusatkan kepada guru tetapi adalah berpusatkan pelajar, kerana fokus utama dalam pendidikan adalah berpusatkan pelajar baik secara individu atau kumpulan ( Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman 2003 )

Kepelbagaian pendekatan, strategi dan kaedah pedagogi seperti model pengajaran simulasi amat perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Keupayaan guru mempelbagaikan pendekatan,

strategi dan kaedah pedagogi mampu meningkatkan keupayaan dan penguasaan prestasi akademik pelajar, di samping sebagai pemangkin kepada perubahan sikap dan minat pelajar kepada sesuatu mata pelajaran jika diterapkan di dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran guru.

Kesimpulannya jika dilihat kepada tuntutan terhadap perkembangan pendidikan dan komitmen pihak kerajaan sendiri terhadap perkembangan kualiti pendidikan negara, semestinya para pendidik sama-sama menyahut cabaran tersebut untuk membentuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, inovatif dan kreatif agar pelajar yang dihasilkan nanti juga akan bersifat kreatif dan inovatif.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Dari segi sejarah, sebelum merdeka pendidikan umat Islam lebih tertumpu di pondok-pondok dan madrasah bagi meneruskan kesinambungan Pendidikan Islam kepada anak-anak mereka. Setelah negara mencapai kemerdekaan, perubahan dalam sistem pendidikan berlaku. Pelaksanaan Pendidikan Islam di dalam sistem pendidikan Kebangsaan berdasarkan perkara-perkara yang terkandung di dalam Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960. Setelah Akta Pendidikan 1961 digubal, pengajaran mata pelajaran Agama Islam mula diperkenalkan secara formal. Menurut Hj.Zainal Abidin bin Hj.Abdul Kadir ( 1993 ) pada peringkat awalnya mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam telah diajar di luar waktu persekolahan ( waktu petang ) dan pada tahun 1962 mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam mula dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu.

Perakuan-perakuan di dalam ketiga-tiga Penyata/Akta tersebut telah memperuntukan supaya Pendidikan Islam atau mata pelajaran Agama Islam hendaklah diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan bilamana terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid/pelajar beragama Islam. Mata pelajaran Pendidikan Islam pada permulaannya dikenali sebagai “Pengetahuan Agama Islam”, ketika itu kandungan kurikulumnya lebih tertumpu kepada aspek keagamaan dan menghafal. Buku teks pula berjudul Pengetahuan Agama Islam, kini Pengetahuan Agama Islam telah diubah kepada “Pendidikan Islam” begitu juga isi kandungannya berubah mengikut kesesuaian keadaan semasa, tidak lagi menekankan kepada menghafal sahaja bahkan lebih kepada penghayatan dengan memberi penekanan kepada pembinaan kemahiran, pemikiran jasmanai, rohani dan emosi pelajar.

Menurut Prof. Dr. Sidek Baba ( 2005 ), di awal tahun-tahun 70-an sehingga kini kesedaran keagamaan di kalangan orang melayu semakin meningkat. Kegiatan dakwah dari kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan individu semakin nyata. Dalam banyak keadaan samada dalam seminar ataupun bengkel, Islam tidak hanya dibincangkan sebagai agama mengurus diri sahaja tetapi pemikiran tentang Islam sebagai Deen iaitu suatu cara hidup mula berkembang subur. Kecenderungan melihat Islam sebagai sumber ketamadunan menyebabkan sistem pendidikan negara memberikan respon yang positif terhadap kebangkitan ini .

Pada tahun 1987, sistem pendidikan negara mempunyai Falsafah Pendidikan Negeranya yang amat unik dan pendekatan sepadu dalam pendidikan mula diperkembangkan. Matlamat menghasilkan insan seimbang dan harmonis menjadi tunjang falsafah dan pendidikan Islam mula mendapat dokongan nyata dengan terbinanya berpuluh-puluh Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pusat-

pusat Tahfiz, pengenalan subjek Tasawwur Islam, al Quran dan Sunnah, Bahasa Arab Tinggi , Syariyyah Islamiah, Asas Fardhu Ain dan penekanan kepada pendidikan Adab sejak di peringkat sekolah rendah lagi . Kesan daripada perkembangan ini juga ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1983, Kolej-kolej Islam Negeri, Pengenalan subjek Tamadun Islam di IPTA dan seterusnya ialah tertubuhnya Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Sesungguhnya sejak Kurikulum Pendidikan Islam diperkenalkan bagi menggantikan kurikulum pendidikan zaman penjajah, ianya telah mengalami banyak perubahan besar melalui pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) 1982 dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1989. Proses semakan semula kurikulum juga telah dilakukan dan dilaksanakan pada tahun 2003.

Mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM telah membawa satu reformasi yang cukup besar di dalam dunia pendidikan negara, khususnya di dalam bidang pendidikan agama. Di peringkat menengah di mana ianya telah dijelaskan tentang Falsafah, Matlamat dan juga Hasrat Pendidikan Islam. Begitu juga dengan struktur dan isi kurikulumnya serta kaedah pengajaran dan pembelajaran jauh berbeza dari matapelajaran Pengetahuan Agama Islam sebelumnya ( KLSM ).

Apabila KBSM mula dilaksanakan pada tahun 1989, mata pelajaran Pendidikan Islam telah diletak di dalam kumpulan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar ( pelajar Islam ) di peringkat menengah rendah dan atas bagi sekolah harian biasa, di samping itu pelajar-pelajar berpeluang mengambil matapelajaran Pendidikan al Quran dan as Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah, Tasawwur Islam dan Bahasa Arab Tinggi sebagai matapelajaran pilihan di peringkat menengah atas.

Kesungguhan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memastikan keberkesanan Pendidikan Islam, khususnya dalam aspek amali amat jelas dengan terlaksananya Ujian PAFA ( Perkara Asas Fardu Ain ) pada tahun 1995, di mana setiap pelajar beragama Islam akan diuji secara amali di sepanjang persekolahannya, iaitu di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) dan Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ).

Di samping itu juga pihak Kementerian Pelajaran telah memberi penekanan dan perhatian yang serius kepada tulisan jawi. Semua pelajar Islam sejak dari tahun satu di sekolah rendah dipastikan dapat menguasai tulisan jawi. Buku teks Pendidikan Islam di semua peringkat persekolahan telah ditulis dengan tulisan jawi. Di dalam peperiksaan juga pelajar digalakkan menjawab soalan Pendidikan Islam dalam tulisan jawi. Dari segi syarat kemasukkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Berasrama Penuh pelajar terlebih dahulu dikehendaki mencapai tahap cemerlang di dalam tulisan jawi.

Jika dilihat dari segi Falsafah Pendidikan Islam ianya adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al Quran dan as Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah S.W.T yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Manakala Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal salih dan beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al Quran dan as Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara. Adapun Objektif Pendidikan Islam pula secara umumnya ialah

bahawa pelajar akan dapat menguasai bacaan dan hafazan serta memahami ayat-ayat al Quran dan Hadis tertentu dengan betul dan baik. Pelajar yakin dengan konsep tauhid di samping itu mereka dapat mempertingkatkan amalan ibadat Fardu Ain dan Kifayah, pelajar juga dapat menjadikan sirah Nabawiah sebagai pengajaran dan iktibar serta mereka berakhlak dengan akhlak yang mulia.

Organisasi Kandungan Sukatan Pelajaran terbahagi kepada tiga bahagian :

**(a) Tilawah al Quran dan Hadis**

- i. Membaca ayat-ayat al Quran mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih.
- ii. Menghafaz ayat-ayat al Quran yang terpilih mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih
- iii. Memahami pengertian dan hikmah ayat-ayat tertentu dan Hadis-hadis pilihan
- iv Memahami serta menghayati pengajaran al-Quran dan Hadis sebagai sumber hukum.

**(b) Ulum Syariah pula adalah menumpukan perkara-perkara berikut:**

- i. Pemantapan aqidah menerusi peneguhan Iman : pempukan sikap:tanggungjawab pelajar sebagai manusia yang sedar dan insaf akan kedudukan dan tanggungjawabnya terhadap Allah S.W.T, diri, masyarakat, negara dan alam sekitar.
- ii. Memahami peranan Fardu Ain dan Fardu Kifayah sebagai ibadah yang diperlukan untuk pembangunan diri dan negara ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

- iii. Meneladani sirah Rasulullah S.A.W dan Tamadun Islam iaitu dengan mengetahui, mencontohi dan membangunkan kembali keagungan Tamadun Islam.

**(c) Adab Berteraskan Akhlak Islamiah**

Bidang pembelajaran adab berteraskan akhlak Islamiah diajar khusus dalam bidang Akhlak Islamiah. Adab yang telah diperolehi dan diamalkan di peringkat sekolah rendah dipertingkatkan lagi di sekolah menengah. Adab ini berdasarkan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah S.W.T, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara.

Kandungan kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap Muslim dari segi Fardu Kifayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan pelajar sekolah menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia 2002). Ketiga-tiga bidang ini merupakan kesepaduan ilmu yang dapat melahirkan insan soleh yang diredhai Allah S.W.T. Pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan berdasarkan kandungan sukatan pelajaran ini adalah sesuai dengan peringkat dan keupayaan pelajar sekolah menengah.

Nilai-nilai yang ditentukan dalam Akhlak Islamiah sebahagiannya diajar khusus dalam bidang Akhlak dan sebahagiannya lagi disepadukan melalui bidang-bidang Tilawah al Quran dan Ulum Syariah. Nilai-nilai ini diperincikan dan diajar secara sepadu serta dihubungkait antara satu sama lain dan diulangi dari semasa ke semasa bagi memupuk sifat-sifat mahmudah secara berterusan di dalam diri pelajar. Kesemua nilai-nilai atau sifat-sifat mahmudah dalam bidang ini diajar pada setiap tingkatan, walaupun nilai itu sama, namun skop dan isi pelajarannya adalah berbeza kerana kandungan yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam.

Dari sudut penggunaan buku teks pula, bermula tahun 2002, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerbitkan semula buku teks KBSR dan KBSM. Buku ini telah dihasilkan berdasarkan kurikulum KBSR dan KBSM semakan semula, oleh itu tajuk-tajuk dalam setiap buku teks berkenaan merupakan gabungan tajuk-tajuk yang sedia ada dan tajuk-tajuk baru atau tajuk-tajuk yang telah diubahsuai. Semua buku teks Kementerian Pelajaran Malaysia akan melalui proses pemerakuan yang tertentu di peringkat Kementerian bagi menjaga kualiti, semua buku teks yang digunakan telah menepati kehendak sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pelajaran seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM) serta Jabatan Pendidikan Teknikal (Kementerian Pelajaran Malaysia 2005)

Bahan-bahan rujukan seperti al Quran, as Sunnah, Sirah Rasulullah S.A.W, sejarah para Sahabat R.A, pendapat para sarjana Islam dan ilmu lain seperti Sains, Matematik, Geografi dan Sejarah boleh dijadikan asas bagi mengolah pengetahuan dan kemahiran di dalam sukatan pelajaran ini. Pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi pada peringkat sekolah menengah ini dapat diteruskan ke peringkat yang lebih tinggi.

Peruntukan masa bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah Rendah ialah 240 minit seminggu, ianya dibahagikan kepada enam waktu pengajaran, dengan masa yang diperuntukkan 40 minit bagi satu waktu pengajaran dan pembelajaran. Enam waktu tersebut dibahagikan kepada tiga waktu pengajaran dan pembelajaran, dua waktu tambahan juga dalam waktu pengajaran dan pembelajaran dan satu waktu untuk amali solat (  $6(3+2+1)$  ). Manakala bagi peringkat menengah atas pula ialah 160 minit seminggu, dibahagikan kepada tiga waktu pengajaran biasa dan satu waktu untuk amali solat (  $4(3+1)$  ). ( Surat Pekeliling

Ikhtisas Bil.8/1990). Namun dari segi pelaksanaannya kebanyakan sekolah menjadikan kesemua waktu yang diperuntukkan sebagai waktu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Ini memandangkan kerana pihak sekolah telah menjalankan program kokurikulum untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan bagi dua masa tambahan tersebut pada sebelah petang atau pada hujung minggu. Bagi amali solat pula, sudah menjadi kebiasaannya sekolah mewajibkan setiap pelajar untuk solat berjamaah sebelum pulang dari sekolah. Jika dilihat dari segi pelaksanaan ianya tidak terpesong daripada hasrat pihak Kementerian Pelajaran, cuma dari segi masa sahaja yang berubah, jika dilihat kembali bahawa peruntukan waktu amali solat perlu diisi dengan solat berjamaah dan tazkirah yang berkaitan dengan kehendak sukatan pelajaran. Manakala peruntukan dua waktu tambahan perlu digunakan untuk aktiviti-aktiviti memperkukuhkan penyampaian objektif kurikulum Pendidikan Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia 2002).

Dari sudut guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM pula, mereka adalah terdiri daripada lulusan dalam dan luar negara yang telah memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana mengikut bidang pengajian Islam, Syariah, Usuludin, Dakwah atau Bahasa Arab yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan memiliki sijil diploma pendidikan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru seperti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dan Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) yang diadakan di Maktab Perguruan atau Diploma Pendidikan Di Universiti Tempatan atau Luar Negara .

Di sepanjang program dan kursus tersebut dijalankan bakal-bakal guru akan didedahkan dengan aspek-aspek seperti Asas Dinamika Guru, Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas, Pengetahuan dan Keterampilan Pengkhususan, Gerak kerja Kokurikulum dan Praktikum sebagai komponen asas. Manakala mata pelajaran pula bergantung kepada bidang kursus yang ditawarkan, di antaranya ialah Bahasa Melayu Kini, Pengurusan Sumber, Pendidikan Negara Bangsa Malaysia, Pendidikan Alam Sekitar, Ilmu Pendidikan, Tamaddun Islam, GERKO (Pengurusan Gerko dan Unit Beruniform dan Sukan ). Pendedahan aspek-aspek tersebut kepada bakal guru adalah supaya mereka nanti mampu menjadi seorang pengurus kurikulum yang berkesan di sekolah, memahami dan menghayati Falsafah Pendidikan Negara serta Matlamat Pendidikan Negara.

Menurut Hj.Zainal Abidin Hj.Abdul Kadir ( 1993 ) Pendidikan Islam KBSM memerlukan guru-guru yang memiliki kemahiran dan kebolehan/skill yang tinggi di dalam penyampaian pengajarannya. Guru Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan ilmu atau pengetahuan tetapi hendaklah membimbing, membantu, mengasuh mendakwah, menunjuk pelajaran, menjadi contoh dan pemimpin kepada pelajar .

Muhammad Uthman el-Muhammadi (2003) pula menyebut bahawa di dalam profesion perguruan, tugas guru bukan sahaja mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu tetapi guru juga berperanan sebagai pendidik manusia, justeru itu para guru haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisma yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan.

Justeru itu seorang guru yang professional sentiasa mencari jalan dan memikirkan bagaimana pendekatan yang terbaik dari segi penyampaian ilmu dan maklumat serta kemahiran kepada muridnya. Guru mesti mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai murni yang unggul bagi menjadikan diri mereka sebagai pendidik yang berwibawa, mampu membangunkan sistem pendidikan negara yang berkualiti dan bertaraf dunia (world class).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pendidikan Islam KBSM memerlukan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada amalan dan penghayatan Islam. Pelajar diberi pengetahuan dan pengetahuan tersebut hendaklah dijemakan dalam bentuk amalan dan seterusnya amalan tersebut dihayati secara berterusan.

Bruce Joyce dan Marsha Weil (1986) menyatakan bahawa model simulasi memberi faedah kepada pelajar seperti pembelajaran akan lebih mudah kerana pelajar belajar dalam suasana dan situasi sebenar, pelajar juga akan dapat maklum balas hasil pembelajaran secara mendalam dan pelajar dapat mengikuti proses pembelajaran melalui penggunaan pancaindera mereka sendiri.

Satu inovasi kearah mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif bagi menimbulkan minat dan rasa seronok pelajar dengan melibatkan diri secara aktif perlu dilaksanakan. Penekanan terhadap penguasaan ilmu, kemahiran dan nilai menuntut kepada perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Model pengajaran simulasi adalah salah satu model yang dicadangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum.

Pengajaran tidak akan berkesan tanpa adanya kaedah yang sesuai dan menarik minat pelajar. Kesesuaian kaedah tersebut pula perlu diteliti supaya tidak membebankan guru dan tidak pula membosankan pelajar. Oleh itu masalah utama kajian ini ialah untuk melihat tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan model simulasi untuk mata pelajaran Pendidikan Islam dalam usaha untuk meningkatkan amalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Dengan penyelesaian masalah ini nanti mungkin akan dapat mewujudkan satu keseragaman pelaksanaan kaedah simulasi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam .

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah untuk melihat kesediaan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran berasaskan model pengajaran simulasi di sekolah.

Objektif khusus kajian ini pula adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenalpasti pendedahan yang pernah diterima oleh guru-guru Pendidikan Islam mengenai model pengajaran simulasi.
- 1.4.2 Mengenalpasti pengalaman guru-guru Pendidikan Islam mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam berasaskan model pengajaran simulasi.
- 1.4.3 Menentukan keupayaan guru-guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah guru-guru Pendidikan Islam pernah menerima pendedahan untuk menggunakan kaedah simulasi dalam pengajaran mereka?
- 1.5.2 Sejauhmanakah guru-guru Pendidikan Islam mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dengan menggunakan kaedah simulasi?
- 1.5.3 Apakah guru-guru Pendidikan Islam berupaya untuk menggunakan kaedah simulasi dalam menjalankan aktiviti pengajaran mereka di sekolah?

## **1.6 Rasional Kajian**

Pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran amat kurang diberi perhatian di peringkat sekolah rendah dan menengah selama ini, sedangkan ianya merupakan salah satu model pengajaran penting bagi membantu guru membimbing pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Biasanya sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkualiti adalah sangat berkaitan dengan isi kandungan kurikulum dan strategi pelaksanaan yang berkualiti.

Melalui pelaksanaan model pengajaran simulasi ini nanti akan dilihat oleh penggubal kurikulum untuk dijadikan contoh model pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru di sekolah. Bruce Joyce dan Marsha Weil et.al, (1986) menyebut

bahawa model simulasi menjadikan seorang guru itu berperanan sebagai penerang kepada pelajar sebelum aktiviti dijalankan, guru sebagai pengadil dengan mengadili penglibatan setiap pelajar, sebagai jurulatih yang menasihati dan memberi sokongan kepada pelajar seterusnya guru sebagai rakan untuk berbincang sepanjang simulasi dijalankan.


Kajian ini juga diharapkan akan memberi manfaat kepada para guru dalam mengemaskini dan memurnikan lagi kaedah pengajaran simulasi mereka, membantu guru mengatasi masalah pelajar yang cepat bosan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Maklumbalas daripada hasil kajian juga akan dapat memberi panduan dan bimbingan kepada pendidik dan pensyarah di Institut Perguruan dan Universiti di dalam program latihan perguruan sebagai satu kemahiran pedagogi kepada calon-calon guru.

Bagi pelajar, model pengajaran ini memberi peluang yang lebih luas kepada mereka untuk lebih memahami apa yang sedang mereka pelajari dan mampu menguji kefahaman melalui aktiviti pengukuhan yang disediakan, model ini juga mampu memberikan motivasi kepada para pelajar. Pembelajaran Pendidikan Islam diharapkan akan dapat menarik minat pelajar seterusnya membimbing mereka ke arah pencapaian dalam memahami dan amalan praktikal serta akademik yang lebih cemerlang. Akhirnya pelajar akan dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari dalam kehidupan mereka.

Pelajar juga boleh memainkan peranan yang berkesan ke arah keberkesanan dan kecemerlangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran simulasi di dalam bilik darjah. Sokongan, minat yang tinggi serta usaha gigih para pelajar diperlukan untuk menjayakan matlamat dan cita-cita serta wawasan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan insan pelajar yang cemerlang dan aktif, di samping mereka dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

## 1.7 Kerangka Teori Kajian

Reiser dan Dick (1996) mencadangkan di dalam merancang proses pengajaran, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengenalpasti matlamat, diikuti dengan mengenalpasti objektif, seterusnya merancang aktiviti pengajaran, memilih media pengajaran, membina persoalan, proses pelaksanaan pengajaran dan semakan pengajaran atau pembaikan. Model Reiser dan Dick et.al, (1996) ini telah diubah suai oleh pengkaji untuk tujuan kajian berdasarkan pendekatan kajian pengakaji dengan memasukan model peringkat perkembangan simulasi oleh Bruce Joyce dan Marsha Weil et.al, (1986) di dalam bahagian merancang aktiviti pengajaran.



Rajah 1. Kerangka Teori Kajian : Pelaksanaan model simulasi dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Sumber : Adaptasi dari Model Pengajaran Reiser dan Dick (1996) dan Bruce Joyce dan Marsha Weil (1986).

Mengenalpasti matlamat mengikut kerangka teori kajian pengkaji ialah proses pertama memilih tajuk-tajuk yang akan diajar dengan melihat kepada tujuan umum apa yang hendak dicapai daripada pelajar tersebut dan apakah bentuk-bentuk penekanan yang perlu dititikberatkan, manakala mengenalpasti objektif pula ialah melihat kepada penerimaan pelajar terhadap matlamat yang dicadangkan, penggunaan bahan yang berkesan, proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, aktiviti yang dipilih, pengurusan yang dilaksanakan dan peranan setiap pelajar dalam aktiviti yang dijalankan.

Manakala pemilihan media pengajaran pula merupakan peralatan yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui model pengajaran simulasi, ianya berdasarkan kepada topik-topik dalam bidang ibadah yang telah dipilih bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Bagi memastikan pelajar dapat memahami dan melakukan proses simulasi dengan lebih berkesan, guru perlu mengemukakan persoalan-persoalan sebagai menguji pengetahuan dan kefahaman pelajar di sepanjang proses simulasi berjalan.

Isi kandungan kurikulum yang diterangkan kepada pelajar melalui model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan, jika model simulasi yang mengandungi empat peringkat perkembangan yang diubah suai oleh pengkaji ini diikuti oleh para guru dan mendapat kerjasama setiap pelajar.

Proses penambahbaikan atau semakan pengajaran perlu dilakukan sebagai proses mengemaskini dan melihat kekuatan serta kekurangan hasil daripada pelaksanaan model pengajaran ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada peringkat ini matlamat dan objektif asal yang telah disasarkan akan dikaji dan dikenalpasti pencapaiannya, begitu juga penggunaan bahan-bahan dalam proses

pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan adakah terdapat kesesuaian bagi topik-topik tertentu atau sebaliknya. Sehubungan dengan ini maka tenaga pengajar yang benar-benar mempunyai kepakaran dan pengalaman yang sesuai perlu dijadikan pilihan utama dalam pelaksanaan model pengajaran simulasi ini. Adalah diharapkan dengan terlaksananya model pengajaran simulasi ini nanti akan dapat melahirkan pelajar yang memahami tajuk-tajuk yang diajar, berminat dan seronok untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dan pelajar dapat berinteraksi antara mereka dengan baik seterusnya dapat menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan.

Berdasarkan model pengajaran Reiser dan Dick tersebut, maka pengkaji telah menggabungkan model simulasi oleh Bruce Joyce dan Marsha Weil kedalam aktiviti pengajaran mengikut rasional dan pandangan pengkaji supaya ianya lebih berkesan dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara yang berkaitan.

Peringkat pertama ialah proses orientasi atau pengenalan kepada pelajar, setiap pelajar akan didedahkan kepada konsep dan elemen-elemen penting yang berkaitan dengan pelaksanaan kaedah simulasi. Pelajar akan dipastikan agar mereka dapat memahami dan meghayati perjalanan aktiviti dari segi proses, pengurusan, penggunaan bahan peralatan, kos, masa, peranan mereka, faktor keselamatan dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Pada sesi ini guru boleh membuat soal selidik secara lisan tentang tahap kefahaman setiap pelajar sebelum aktiviti dijalankan. Pelajar juga perlu diberi peluang untuk bertanya dan memberi respon mereka.

Peringkat kedua ialah sesi latihan penyertaan pelajar di dalam aktiviti. Guru akan cuba mewujudkan satu situasi atau senario atau peristiwa yang akan dilakukan dan cuba diselesaikan. Guru akan menetapkan kepada pelajar peraturan, peranan, matlamat yang hendak dicapai serta penggunaan bahan peralatan dan tahap keselamatan mereka.

Seterusnya pada peringkat ketiga ialah pelaksanaan aktiviti simulasi. Pada peringkat ini guru bertindak sebagai pembimbing aktiviti pelajar, cuba mendapat maklum balas daripada pergerakan dan aktiviti pelajar, menilai serta memberi penjelasan mengenai kesilapan dan salah faham yang berlaku, seterusnya meneruskan aktiviti simulasi.

Peringkat seterusnya ialah peringkat terakhir, di mana guru akan mengadakan sesi dialog atau soal jawab bersama pelajar bagi mendapatkan maklumat tentang penyertaan, membuat rumusan mengenai acara atau aktiviti yang telah dijalankan dan melihat persepsi pelajar serta kerumitan yang berlaku. Guru juga akan menganalisis proses dan membuat perbandingan aktiviti simulasi dengan suasana sebenar, guru cuba menghubungkan aktiviti simulasi dengan isi kandungan kurikulum yang telah dipilih, samada ianya telah mencapai objektif dan matlamat atau sebaliknya. Seterusnya guru akan membuat penilaian dan membina semula aktiviti simulasi .

## **1.8 Skop Dan Batasan Kajian**

Kajian ini mempunyai batasan-batasan seperti berikut:

1.8.1 Kajian ini hanya melibatkan kumpulan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam lelaki dan perempuan di sekolah menengah di Daerah Kota Tinggi, Johor.

1.8.2 Kajian ini hanya menfokuskan kepada persepsi guru-guru Pendidikan Islam terhadap tahap kesediaan mereka melaksanakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM.

## **1.9 Definisi Operasi**

Untuk tujuan kajian, istilah berkaitan didefinisikan seperti yang berikut:

### **i. Model Pengajaran Simulasi**

Dalam kajian ini model pengajaran simulasi ialah model yang dibentuk oleh pengkaji sendiri berdasarkan kepada pandangan dan pendapat oleh pakar-pakar pendidikan. Menurut Donn Byrne(1988) simulasi ialah satu aktiviti yang mana sesuatu masalah (topik untuk diajar) telah dibincangkan dan dilakukan di suatu tempat yang disediakan. Menurutnya lagi simulasi mempunyai elemen-elemen penting seperti adanya aktiviti, perbincangan dan pelaksanaan di tempat yang disediakan.

## **1.10 Penutup**

Bab ini telah membincangkan perkara-perkara asas tentang model pengajaran simulasi dalam usaha meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Model Pengajaran yang disediakan menjadi penentu kepada peningkatan minat pelajar dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

## **BAB II**

### **SOROTAN PENULISAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Abdul Main Salimon & Abdullah Noor (1993) menyatakan bahawa dunia hari ini dan esok sudah tidak lagi memerlukan mereka yang sekadar cekap menulis, menyalin, menghafal dan mengingat sahaja. Guru perlu mempelbagaikan pemikiran pelajar tentang sesuatu tajuk yang akan diajar dengan memberi penjelasan, contoh, membuat generalisasi, mengaplikasi, membuat analogi dan mempersembahkan tajuk dengan cara yang terkini. Guru mesti memastikan proses pembelajaran pelajar adalah berasaskan kefahaman dan bukannya menghafal. Strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan berkesan perlu diterapkan oleh guru dalam membentuk pengetahuan dan kefahaman pelajar. Bab ini akan menjuruskan perbincangan berkaitan dengan literatur-literatur dalam dan luar negara yang berkaitan konsep-konsep kurikulum, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, pendekatan, strategi dan kaedah, juga isu-isu mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan strategi pelaksanaan simulasi.

## 2.2 Konsep Kurikulum Pendidikan

Istilah kurikulum telah diguna pakai dalam berbagai cara dan pendekatan. Walaupun ahli-ahli kurikulum telah menghadkan maksud kurikulum, namun perbezaan pendapat antara mereka yang pakar dalam bidang ini tetap wujud mengenai apakah definisi sebenar kurikulum ini. Robert, S. Zais (1976) menyatakan kurikulum biasanya digunakan dalam dua keadaan :

- i. Untuk mengindikasi secara kasar sesuatu rencana atau pelan bagi pendidikan pelajar.
- ii. Bagi mengenalpasti sesuatu bidang kajian.

Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979), kurikulum adalah segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Dol (1996) menjelaskan bahawa kurikulum sekolah adalah kandungan pelajaran formal dan informal, serta proses di mana pelajar mendapat pengetahuan dan kefahaman, membina kemahiran dan mengubah sikap, dan nilai yang diajar di sekolah. Justeru itu kurikulum dalam pendidikan berperanan membina perkembangan murid dengan lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi, serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak murni yang diingini, di samping menyampaikan ilmu dan kemahiran. Dalam konteks negara Malaysia, kurikulum juga berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara bangsa dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan kepada Rukun Negara, di samping menghasilkan modal insan yang terlatih bagi keperluan negara.

Kesimpulannya, kurikulum dapatlah dimaksudkan sebagai segala hasil pembelajaran yang akan diperolehi oleh pelajar, bagi memenuhi kehendak agama, bangsa dan negara.

### 2.3 Konsep Kurikulum Pendidikan Islam

Syed Muhammad Al Naquib Al Attas (1992) menyatakan bahawa Pendidikan Islam berperanan untuk membantu pertumbuhan secara keseluruhan sahsiah seseorang individu, adapun pengajaran cuma dapat melatih individu atau sesuatu kumpulan untuk melakukan sebahagian tugas dengan cekap. Pengetahuan yang luas tentang banyak perkara akan dapat membantu dalam pertumbuhan sahsiah manusia tetapi dengan syarat seseorang individu itu tahu bagaimana hendak menyesuaikan pengetahuan tersebut dengan tingkahlaku dan bagaimana pengetahuan dan tindakan itu berada dalam satu kerangka kehidupan yang luas dan menyeluruh.

Menurut Dr. Sidek Baba (1992), pendidikan merupakan tempat terpenting bagi melahirkan generasi penerus hari depan negara. Sistem pendidikan negara yang ada pada hari ini bertindak sebagai penentu, untuk melahirkan generasi akan datang, samada mereka berjaya dan maju atau mundur. Pendidikan Islam boleh berperanan di dalam memastikan pelajar yang dicorak pada hari ini cemerlang suatu masa nanti, seterusnya dapat menterjemahkan konsep negara. Ibu bapa pada hari ini sebahagian besar mereka telah sedar mengenai kepentingan kemajuan sikap dan peribadi, di samping kecemerlangan intelek dan akademik.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin et. al, (1993) menegaskan bahawa corak Pendidikan Islam di era 2020 perlu menampilkan generasi muslim yang kukuh iman, menguasai semua ilmu pengetahuan yang tinggi dan memiliki keterampilan diri yang canggih, berakhlak mulia, memiliki budaya kerja yang hebat, sentiasa berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Dengan lain perkataan generasi pada hari ini mesti memiliki daya saing, daya juang, daya maju dan daya tahan. Menurutny lagi, sesuatu kurikulum yang lengkap yang dihasilkan, akan dapat membantu sekolah berperanan positif dan membolehkannya membangunkan sumber manusia masa depan yang baik, iaitu berilmu, beriman, berakhlak dan berketerampilan.

Menurut Prof. Muhamad Hamid Al Afendi dan Prof Ahmed Nabi Baloch (1992), tujuan utama pendidikan dalam Islam adalah untuk melahirkan masyarakat yang baik dan beriman supaya mereka dapat menerajui corak kehidupan yang sejahtera dan berjaya di dunia dan akhirat. Oleh itu al Quran hendaklah dijadikan sumber yang utama dalam melaksanakan dasar pendidikan. Menurutnya lagi matlamat terakhir dalam Pendidikan Islam ialah penerapan konsep kebesaran dan keagungan Allah S.W.T ke dalam pemikiran dan jiwa semua hamba.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut maka kurikulum Pendidikan Islam hendaklah dibahagi kepada dua aspek, iaitu pendidikan individu dan pendidikan sosial. Pendidikan Individu akan mampu memberi kefahaman kepada seseorang berkaitan dengan perhubungan dengan makhluk lain, tanggungjawab dalam kehidupan, tanggungjawab dalam kehidupan manusia, perhubungan sosial, perhubungannya dengan alam dan fenomena lain serta penjelajahannya ke dalam hukum-hukum alam dengan tujuan untuk mengeksploitasinya bagi tujuan kebaikan dan penciptaan Yang Maha Bijaksana dalam setiap penciptaannya.

Tajul Ariffin Nordin dan Nor' Aini Dan (2002) berpendapat, Pendidikan Islam berfungsi menyucikan roh, akal dan jasad, memperbaiki taraf kebudayaan dan pembangunan manusia. Pendidikan Islam merangkumi seluruh potensi manusia untuk menangani isu-isu kemanusiaan dan dunia, termasuklah memperbaiki alam sekitar, mewujudkan kemudahan infrastruktur dan seluruh keperluan manusia.

M.A. Zaki Badawi (1992) telah menjelaskan bahawa para pendidik Islam bersetuju, bahawa tujuan Pendidikan Islam bukan hanya menyumbat pemikiran pelajar dengan fakta, tetapi menyediakan mereka untuk menjalani kehidupan yang murni dan jujur serta pembinaan watak, berdasarkan kepada keunggulan etika keIslaman. Dari sini kita fahami bahawa pendidikan mestilah bertujuan untuk mewujudkan sahsiah manusia yang seimbang melalui latihan semangat, intelek, rasional diri, perasaan dan jasmaniah manusia.

Pendidikan Islam menuntut pembinaan seluruh potensi yang ada pada manusia meliputi rohani, intelek, emosi dan jasmani yang berkaitan dengannya, berasaskan al Quran dan as Sunnah untuk melahirkan insan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Menurut Kurshid Ahmad (1978) Pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu iaitu al Quran dan as Sunnah, pengalaman Salaf as Salih serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan salih yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini bagi kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat.

#### **2.4 Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam**

Menurut Wan Mohd Zahid Mohd Nordin et. al, (1993) satu perkara yang amat ketara dalam pelaksanaan sistem Pendidikan Islam masa kini ialah tumpuan yang berlebihan kepada bidang kognitif. Bidang afektif dan psikomotor kurang diberi perhatian, malahan dalam bidang kognitif tumpuan hanya kepada pengumpulan maklumat dan hafalan. Usaha bagi meningkatkan daya berfikir, menganalisis, sintesis, inovatif dan pemikiran tinggi kurang diberikan, malahan mungkin diabaikan. Inilah hakikat sebenarnya amalan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya yang berlaku dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di negara kita.

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 bagi mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran mendapati bahawa taraf pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam masih rendah mutunya (Kementerian Pelajaran Malaysia 1988). Guru-guru masih lagi menggunakan pendekatan yang mudah atau lama, iaitu pendekatan menyampaikan maklumat kepada pelajar secara sehalu sahaja, tanpa mengambil kira samada pelajar faham atau tidak maklumat yang disampaikan. Pendekatan penggunaan bahan bantu mengajar dan kerja-kerja amali kurang dipraktikan. Dengan lain perkataan, strategi pembelajaran lebih berfokus dan berpusatkan kepada guru.

Justeru itu, masalah memilih kaedah dan strategi yang lebih sesuai perlu dilaksanakan dalam pembelajaran masa kini yang lebih berpusatkan kepada pelajar. Untuk memahami dengan lebih mendalam lagi tentang penyelidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, topik ini akan menghuraikan perbincangan lanjut mengenai prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, kepentingan konsep dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran, kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam serta isu-isu tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan cabaran pada masa akan datang.

#### **2.4.1 Prinsip-prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam**

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran banyak bergantung kepada aspek kandungan, pendekatan, kaedah dan aktiviti serta kekuatan bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Al Syaibani (1997) menyatakan beberapa prinsip ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ialah memastikan motivasi, keperluan dan minat pelajar, memastikan tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar untuk belajar, mengetahui perbezaan-perbezaan individu di antara pelajar, menyediakan peluang pengalaman praktikal, memerhatikan kefahaman dan mengetahui hubungan-hubungan, integrasi pengalaman dan kelanjutannya, keaslian, pembaharuan dan kebebasan berfikir dan menjadikan proses pendidikan itu sebagai pengalaman yang menggembirakan bagi pelajar.

Kesimpulannya, daripada prinsip-prinsip yang telah disebutkan di atas menunjukkan fokus pelaksanaan prinsip-prinsip ini lebih menjurus kepada pelajar. Guru perlu peka dengan persediaan dan perancangan serta pelaksanaan yang terancang bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### **2.4.2 Kepentingan Konsep Dan Pendekatan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Menurut Sharifah Alwiah (1985), kesediaan belajar merujuk kepada keadaan dalam diri seseorang yang bersedia dan berkebolehan untuk memperolehi sesuatu pengalaman baru. Menurutnya lagi kesediaan pembelajaran kognitif meliputi kesediaan perkembangan yang berkait pula dengan kematangan kognitif. Kematangan kognitif pula bergantung kepada beberapa perubahan intelek yang berperingkat mengikut umur. Perubahan-perubahan intelek ini mempengaruhi proses-proses pembelajaran.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1990) menyatakan bahawa guru boleh menggunakan budi bicaranya dalam memilih pelbagai aktiviti yang berasaskan pembelajaran melalui pengalaman seperti kerja projek, simulasi, main peranan dan kajian kes. Dengan cara ini pelajar diberi peluang untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran serta menggunakannya dalam berbagai-bagai situasi kehidupan seharian mereka.

Zakaria (1998), pula mengatakan pembelajaran ialah satu kegiatan yang mesti dilakukan oleh pelajar. bukan sesuatu yang boleh dilakukan oleh guru bagi pihak pelajar. Penekanan hendaklah ditumpukan kepada apa yang dilakukan oleh pelajar, bukan apa yang dilakukan kepada pelajar. Inilah hasrat dan matlamat pendidikan sebenarnya yang lebih menfokuskan aktiviti pelajar sehingga pelajar dapat merasai proses pembelajar suatu aktiviti yang menyeronokan.

Secara amnya, dapatlah dikatakan pola pengajaran dan pembelajaran guru lebih ke arah penyampaian maklumat sehalu, dari guru kepada pelajar yang bertindak sebagai penerima maklumat yang agak pasif. Sabri Salamon dan Harun Din (1988)

menyebut bahawa pengelibatan dan interaksi yang aktif di kalangan pelajar-pelajar amat terhad sekali. Pendekatan simulasi adalah di antara kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berupaya memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dan berinteraksi secara aktif dalam pembelajaran. Kaedah simulasi juga memberi peluang kepada pelajar memperolehi pengalaman dan memantapkan kefahaman bagi sesuatu bidang pelajaran yang diikuti .

Tyler (1949) menegaskan terdapat empat jenis pembelajaran di kalangan pelajar sebagai hasil daripada sesuatu program pengajaran yang baik dan berkesan, iaitu penguasaan maklumat, penguasaan kemahiran, pembentukan minat dan pembentukan sikap-sikap sosial. Jelas di sini menunjukkan bahawa, keempat-empat elemen penting ini telah mencakupi ketiga-tiga bidang kognitif, afektif dan psikomotor, yang memerlukan pengelibatan dan interaksi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Boleh dikatakan perkara-perkara ini akan dapat diperolehi dan dicapai melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipelbagaikan.

Eggen & Kauchak (2001) menyatakan, di samping guru memiliki personaliti yang baik, pencapaian objektif pembelajaran juga bergantung kepada keupayaan pelajar menerima dan mengamalkan sesuatu ilmu dalam kehidupannya. Jika ditinjau dari segi keupayaan untuk mencapai objektif sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada konsep dan pendekatan yang digunakan untuk mencorak suasana pembelajaran di dalam bilik darjah. Pandangan ini menguatkan lagi bahawa penggunaan kaedah dan keupayaan pelajar menerima dan mengamalkan ilmu pengetahuan yang dipelajari akan mempercepatkan pencapaian objektif pembelajaran di kalangan pelajar.

Memandangkan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia adalah berpandukan kepada sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang telah ditetapkan, ia tidak mewujudkan masalah kepada guru-

guru untuk melaksanakannya di peringkat sekolah. cuma apa yang perlu ditinjau semula ialah dari segi aspek pedagogi, iaitu dari sudut pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran. Ini dijelaskan oleh Hassan Langgulung (1981). Sabri Salamon dan Harun Din et. al, (1988) bahawa pendekatan pengajaran yang selalu dilaksanakan termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam ialah “chalk and talk” atau kaedah penerangan yang dianggap paling mudah dan ringkas, walaupun terdapat sebilangan kecil guru-guru yang berjaya melaksanakan kaedah perbincangan, penyoalan dan kajian kes dengan berkesan.

Menurut Hassan Langgulung et. al. (1981) lagi, pengajaran agama sendiri bukan hanya menyentuh aspek kognitif sahaja. Jika kita lihat dari segi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam, terdapat bidang-bidang yang sesuai dicapai melalui aspek kognitif seperti fakta-fakta sejarah, syarat-syarat sah solat, haji, zakat dan puasa. Aspek psikomotor pula boleh dipilih dari bidang ibadah dan sirah serta adab.

Berkaitan dengan alat atau bahan bantu mengajar, menurut Hassan Langgulung et. al, (1981) lagi, adalah sangat berguna jika carta-carta dan gambar-gambar digunakan ketika mengajar bab-bab tertentu seperti cara menunaikan ibadat haji dan proses mengeluarkan zakat. Al Syaibani (1979) berpendapat, konsep kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik ialah kaedah yang dapat membantu pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap serta tingkahlaku, menanam minat dan nilai-nilai yang diingini. Petikan dari Imam Al Gahzali oleh Al Syaibani et.al, (1979) menyarankan agar pendidik menyampaikan pengajaran mengikut tahap pemikiran pelajar. Biasanya kebolehan dan pengetahuan sedia ada pelajar akan menjadi kabur dan bertambah rumit jika guru menyampaikan sesuatu pengajaran tanpa mengambilkira tahap pemikiran dan pencapaian pelajar terlebih dahulu. Atan Long (1982) mengutarakan tiga aspek penting dalam membentuk keberkesanan seseorang guru, antaranya ialah personaliti guru, latar belakang pengetahuan yang hendak diajar dan kaedah atau cara penyampaian.

Usaha menitik beratkan kaedah dan pembelajaran juga dinyatakan oleh Abdullah Ishak (1989), pembentukkan kurikulum yang bersepadu, samada kurikulum umum mahupun kurikulum Pendidikan Islam khususnya tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya kaedah dan pembelajaran tidak diberi keutamaan. Dari perspektif Islam, penghayatan dan penguasaan ilmu serta pembentukkan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca daripada ketokohan dan keperibadian guru, malahan berpunca daripada kurikulum yang lengkap serta disokong dan dibantu oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sempurna.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa keutamaan dan kepentingan untuk memilih strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi satu faktor penting terhadap keberkesanan pengajaran yang disampaikan kepada pelajar. Keperluan kepada kepelbagaian strategi, kaedah dan pendekatan akan dapat menarik minat pelajar serta boleh memotivasikan mereka kepada sesuatu mata pelajaran yang dapat mendorong pencapaian akademik mereka.

### **2..4.3 Strategi Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran**

Al Syaibani (1979) menegaskan, dalam memilih kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut :

*“.....tiada satu metod pengajaran yang berguna untuk semua tujuan pendidikan dan semua mata pelajaran. Begitu juga tiada pengkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih metod yang sesuai dalam tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar, serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdesan pelajar-pelajar.....”*

Petikan di sebelah menunjukkan bahawa, guru perlu berperanan secara bijak dalam memilih kaedah pengajaran kepada pelajar. Ini untuk memastikan tujuan pendidikan yang diinginkan dan tujuan pelajaran yang hendak dicapai dapat dilaksanakan, bagi mencapai tahap kecemerlangan setiap pelajar.

Menurut Abdul Malik (1979), bagi memastikan pengajaran yang berkesan, seseorang guru hendaklah menguasai kaedah-kaedah pengajaran, pengetahuan yang mendalam tentang isi pelajaran yang hendak disampaikan, mengetahui ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang pendidikan dan juga hasrat yang terkandung di sebalik kurikulum yang disediakan. Guru seharusnya mengaitkan isu-isu semasa dalam pengajaran bagi melengkap dan menambahkan ilmu serta kemahiran kepada pelajar.

Dunn & Dunn (1979), Keefe (1987) dan Schmeck (1988) menyokong kelebihan gaya pembelajaran membantu kesesuaian cara pengajaran, bagi menghasilkan pencapaian akademik terbaik di kalangan pelajar. Kepelbagaian gaya pelajar belajar memerlukan guru menggunakan berbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji di dalam kajian ini melihat kebolehan guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran melalui pendekatan simulasi contohnya, akan dapat mencapai objektif dan matlamat sesuatu topik di dalam Pendidikan Islam yang di sampaikan kepada pelajar.

Pierce dan Louber (1967) berpendapat, terdapat dua prinsip utama dalam memilih strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran. Prinsip pertama ialah kaedah atau strategi pengajaran perlu dirancang. Perancangan yang tidak dirancang akan membawa akibat pengajaran yang tidak berpandu kepada objektif-objektif pembelajaran. Ini akan memberi kesan pembaziran masa pembelajaran pelajar. Oleh kerana masa merupakan komoditi yang berharga dan terhad kepada guru dan pelajar, perancangan dalam strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu, kerana ia boleh memaksimumkan penggunaan masa yang diperuntukkan secara berkesan dan meminimumkan aktiviti-aktiviti yang tidak produktif.

Prinsip kedua yang dimaksudkan ialah kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran mesti bersifat fleksibel. Dalam konteks ini kita memang tidak dapat menetapkan apakah kaedah yang paling baik dan berkesan serta praktikal. Ini disebabkan oleh faktor perbezaan latar belakang guru, pelajar dan topik mata pelajaran. Walaupun begitu kita perlu memilih dan memberi pertimbangan positif terhadap kesan-kesan penggunaan kaedah pengajaran kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran.

Frosting dan Maslow (1973) berpandangan di dalam memilih strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran, guru-guru hendaklah sentiasa memikirkan cara untuk menjamin penglibatan pelajar dan interaksi kelas yang aktif bagi memungkinkan pembelajaran lebih berkesan dan efisien. Beliau juga menyarankan bahawa pembelajaran yang berkualiti dapat dicapai sekiranya guru memiliki pengetahuan dan kefahaman yang luas dengan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Dunn & Dunn (1978) menunjukkan kebanyakan kelas, guru gagal mengenalpasti kemahuan pelajar, tetapi apabila mereka mengetahui motivasi pelajar, pencapaian pelajar akan bertambah nyata. Ia amat penting kepada guru, bukan sahaja ia dapat memahami gaya pembelajaran pelajar, tetapi juga dalam masa yang sama dapat mengetahui gaya pengajaran guru sendiri.

#### **2.4.4 Strategi Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam**

Abdullah Nasih Ulwan (1988) menyebut bahawa Rasulullah S.A.W memiliki kaedah yang utama, petunjuk dan contoh dalam menyampaikan nasihat dan pengajaran. Di mana kaedah tersebut bergantung kepada bagaimana keadaan masyarakat atau individu serta persekitarannya. Elemen-elemen penting berkaitan

kaedah yang ditunjukkan oleh baginda dalam menyampaikan pengajaran ialah mementingkan cara bercerita, menggunakan cara soal jawab, menjadikan nasihat sebagai permulaan pengajaran dan menyebut nama Allah S.W.T, menyertakan senda gurau di dalam pengajaran, menimbulkan kegerunan dalam memberi nasihat, pengajaran dan nasihat melalui perumpamaan, pengajaran menggayakan dengan tangan, berhikmah dalam pengajaran, nasihat dan pengajaran dengan keterangan, pengajaran secara praktikal, pengajaran daripada sesuatu keadaan yang munasabah dan logic, pengajaran daripada persoalan mudah kepada lebih penting dan pengajaran dengan menunjukkan benda yang diharamkan setelah diberi penjelasan.

Kesimpulannya, daripada elemen-elemen di atas dapat dikatakan bahawa dalam proses pengajaran, baginda menggunakan pelbagai kaedah, daripada perasaan khusyuk kepada gurau senda yang ringan, daripada membuat misalan kepada penerangan, pergerakan anggota tangan, daripada pengajaran demonstrasi kepada perbuatan serta amalan dan sebagainya.

Ahmad Yunus (2000) dalam kajiannya telah mendapati keberkesanan sesuatu mata pelajaran banyak bergantung kepada guru. Guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran agar lebih berkesan dan menarik, kerana hasil kajian beliau mendapati pelajar tidak gemar guru bersyarah dari memberi peluang kepada pelajar menyuarakan pendapat mereka dan terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kehebatan guru memperlengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran serta berkebolehan mengaplikasi penggunaan bahan, menambahkan minat serta menjadikan pelajar lebih bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran.

Menurut Al Najati (1987) dan Nasir (2002), al Quran dan as Sunnah Rasulullah S.A.W menggunakan pelbagai pendekatan dalam memberikan motivasi pendidikan rohani kepada orang-orang beriman, seperti membangkitkan semangat,

memberi harapan, janji ganjaran (Tarhib) dan ancaman siksa (Targhib), bercerita serta mengambil manfaat dan pengajaran dari peristiwa-peristiwa yang berlaku. Abdul Ghani dan Amatul Razzaq (1991) menyatakan dua orang tokoh Pendidikan Islam pada abad pertengahan, iaitu Al Zarnuji dan Al Shaukani melihat faktor motivasi sebagai elemen mental afektif yang harus ada pada pelajar agar mereka dapat belajar dengan lebih baik.

Abdul Halem (2002) menyebut bahawa Rasulullah S.A.W juga menarik minat dan perhatian para sahabat dengan bersoal jawab, menyentuh, menggunakan bahan bantu mengajar, menghadapkan wajah kepada mereka, membuat hubungan mata, membuat lakaran atau ilustrasi, menyusun idea, membuat gaya atau bahasa badan, kawalan kelas yang baik serta menggunakan benda-benda sekeliling yang dapat dilihat. Kepelbagaian kaedah pengajaran oleh Rasulullah S.A.W ini telah mampu memberi pendidikan yang berkesan kepada para sahabat baginda.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, keperibadian mulia yang ada pada guru itu sendiri memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk nilai-nilai yang baik dalam diri pelajar. Bagi mencapai matlamat ini, para pendidik Islam digesa mencontohi keperibadian Rasulullah S.A.W sebagai “role model” dalam semua aspek kehidupan. Sehubungan dengan ini guru perlu mempelajari dan melengkapkan diri dengan amalan dan penghayatan Islam yang sejati, agar barakah sebagai seorang guru dirasai dan dimanfaatkan oleh pelajar.

Al Quran juga mendidik dan menggalakkan orang-orang beriman melakukan kajian dan penelitian terhadap fenomena kebesaran Allah S.W.T yang ada pada diri manusia, alam sekeliling serta kesan-kesan sejarah yang ditinggalkan oleh umat-umat yang terdahulu. Menurut Al Najati (1987), Allah S.W.T menggalakkan manusia

berfikir secara reflektif dan membuat penghujahan yang rasional bagi menegakkan sesuatu kebenaran. Selain daripada pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan daripada al Quran, Rasulullah S.A.W juga melaksanakan pendekatan psikologi terhadap para sahabat seperti senyuman, lemah lembut, peramah dan mudah didekati, kebersihan dan kekemasan, sabar dan beretika.

Secara keseluruhannya, pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh al Quran dan as Sunnah lebih memberi tumpuan kepada keperluan pelajar seperti peranan aktif individu pelajar dalam pembelajaran, sehingga mereka mampu mengumpul pengetahuan daripada pelbagai sumber sosial dan persekitaran dengan lebih berkesan.

## **2.5 Beberapa Isu Tentang Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Serta Cabaran Pada Masa Hadapan**

Mohd Ariff (1988) telah membuat kajian untuk mengesan keberkesanan sistem pendidikan yang berorientasikan Pendidikan Islam, kajian telah dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah agama berasrama penuh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem pendidikan yang berorientasikan Pendidikan Islam masih mempunyai kelemahan tertentu dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang tinggi akhlak. Namun kajian oleh T. Subahan Mohd Meerah (2003) ke atas sembilan buah sekolah mengenai pengkaedahan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam menunjukkan bahawa guru-guru mula berusaha mempelbagai kaedah mengajar dengan mengadakan perbincangan, kaedah soal jawab, kerja kumpulan, penggunaan internet, amalan simulasi, penggunaan komputer dan kaedah menghafaz.

Realiti pada hari ini, di zaman globalisasi, memperolehi ilmu pengetahuan sahaja belum mencukupi, sebaliknya pelajar mesti mengamal dan mempraktikkan aktiviti dan ilmu tersebut di dalam kehidupan seharian. Ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Biggs dan Moore (1993) bahawa aktiviti dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar mencapai keberkesanan pembelajaran mereka. Hal ini amat sesuai dengan apa yang dikatakan dalam amalan beragama dan Pendidikan Islam. Ilmu dan kemahiran yang diperolehi perlu disuburkan dengan amalan penghayatan, agar ianya dapat diterjemahkan melalui pancaindera sebagai kesan pendidikan.

Dr Zainudin (2001) menyatakan perlunya berlaku anjakan paradigma di kalangan para pendidik agama berhubung dengan peranan mereka yang berubah dan bertambah akibat perkembangan negara dan dunia. Di samping itu, para pendidik muslim yang lain mesti juga mengusahakan peningkatan kefahaman Islam mereka untuk meningkatkan taraf dan tahap pengajian mereka ke arah bina insan, di samping mengelakkan dualisme yang kontradiktif sifatnya. Pada hakikatnya bukan sekadar peranan sahaja yang perlu berubah, tetapi juga pendekatan pengajaran di peringkat sekolah, bagaimana hendak menjadikannya lebih berkesan dan berjaya dalam membentuk kefahaman, keyakinan dan amalan yang benar.

Menurut Dr.Sidek Baba (2003), cara pengajaran dan pembelajaran perlu bersifat pelbagai. Pendekatan konvensional perlu digantikan dengan cara pengajaran yang berasaskan kaedah elektronik dan telekomunikasi. Justeru itu para pendidik perlu berusaha menguasai kemahiran menggunakan teknologi maklumat secara kreatif dan inovatif. Pelajar pula perlu didedahkan dengan penggunaan pelbagai perisian dan jaringan internet yang boleh memperkayakan khazanah maklumat mereka.

Di dalam usaha memartabatkan Pendidikan Islam, guru juga perlu memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bercirikan pengajaran berkualiti. Ramsden (1992) merumuskan satu daripada ciri pengajaran berkualiti ialah penggunaan kaedah mengajar dan tugas oleh guru, yang memerlukan pelajar memainkan peranan secara aktif, bekerjasama dan bertanggungjawab. Schwalt (1973) dan Sim (1989) telah mengemukakan elemen-elemen penting yang menjadi penentu kepada pendidikan berkualiti. Elemen-elemen tersebut ialah objektif, pelajar, isi, guru dan persekitaran serta penilaian saling berinteraksi dan keenam-enam elemen ini sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jelas di sini menunjukkan bahawa, bagi mencapai standard pendidikan yang berkualiti, kesemua elemen penting yang telah dinyatakan tadi perlu diberi perhatian dan dilaksanakan oleh guru dengan kreatif dan inovatif.

## **2.6 Kaedah Simulasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

### **2.6.1 Pengertian Dan Kepentingan Simulasi**

Kementerian Pelajaran Malaysia (1990) menggariskan di antara teknik-teknik dan kaedah-kaedah pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru ialah simulasi. Ianya merupakan pewujudan suatu situasi yang menyerupai keadaan sebenar dengan tujuan untuk menyelesaikan satu-satu masalah sebenar dalam keadaan yang terkawal. Pelajar mungkin perlu membuat persediaan dalam simulasi. Dalam proses simulasi ini mereka dikehendaki menaakul, menganalisis situasi dan berfikir secara kritikal tentang cara mengatasi sesuatu masalah itu. Di samping itu juga pelajar dapat menguasai kemahiran seperti soal jawab, pemerolehan dan penggunaan bahan sumber.

Mee (1993) menyebut bahawa, simulasi adalah suatu situasi terkawal yang sengaja diwujudkan menyerupai situasi yang sebenar dengan tujuan menjalankan latihan menyelesaikan masalah. Marilyn Friend & Willian Bursuck (1996) menyatakan simulasi ialah satu aktiviti yang mana pelajar mendapat pengalaman daripada aktiviti tersebut, setelah mereka berbincang bagaimana untuk melakukan aktiviti dan memperolehi persefahaman. Daripada definisi di atas, dapat dibuat rumusan bahawa simulasi adalah satu jenis kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kumpulan pelajar melakukan aktiviti yang terancang dan terkawal. Bagi memastikan aktiviti ini berjalan dengan baik, guru dan pelajar akan mengadakan beberapa sesi latihan sebagai persediaan dan pengukuhan sebelum aktiviti sebenar dijalankan.

Maddux et. al, (1992) telah menjelaskan sembilan kelebihan program simulasi, antaranya ialah menyeronokkan, penggunaan kos yang rendah, keselamatan lebih terjamin, realisme, pemindahan pengalaman dan pembelajaran yang lebih baik, ancaman yang minima, melatih pemikiran kritis, menggalakkan sosialisasi dan kolaborasi dan memaksimumkan masa pembelajaran

Rio Sumarni (1997) menyebut simulasi membolehkan pelajar menjadi lebih aktif, bersifat konstruktif dan lebih bertanggungjawab terhadap subjek yang dipelajarinya. Sesuatu kaedah pembelajaran yang mampu menjadikan pelajar aktif dan dapat berinteraksi dengan baik bersama rakan-rakan pelajar yang lain, mampu mewujudkan rasa seronok pelajar terhadap sesuatu aktiviti yang dijalankan. akan mampu menarik minat dan kefahaman untuk menguasai dan mencapai objektif mata pelajaran.

Bruce Joyce dan Marsha Weil et. al, (1986) menegaskan bahawa model simulasi memberi faedah kepada pelajar, seperti proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih mudah dilaksanakan. Ini kerana pelajar akan merasai suasana sabenar bagi sesuatu pembelajaran. Pelajar akan melibatkan diri dan menggunakan pancaindera serta bahan bantu secara langsung. Maklumbalas hasil daripada aktiviti akan dapat dimanfaatkan oleh pelajar secara mendalam. Dengan ini pelajar akan memperolehi pengalaman dan peningkatan kefahaman di samping memupuk rasa seronok untuk belajar.

### **2.6.2 Ciri-ciri Simulasi**

Bruce Joyce dan Marsha Weil et.al, (1986) menyebut, ciri-ciri simulasi dapat dilihat daripada peranan guru dan pelajar. Guru akan berperanan sebagai penerang yang akan memberi penerangan dan penjelasan kepada setiap pelajar sebelum aktiviti simulasi dijalankan. Seterusnya guru akan bertindak sebagai pengadil yang akan mengadili dan mengawal aktiviti simulasi dan pergerakan pelajar. Menurutnya lagi guru juga berperanan sebagai jurulatih yang sentiasa menasihati, membimbing dan memberi semangat dan motivasi kepada pelajar dan akhirnya guru akan bertindak sebagai rakan untuk berbincang dengan pelajar sepanjang aktiviti simulasi berjalan. Adapun ciri-ciri yang terdapat pada pelajar pula ialah, mereka akan bekerja dalam satu kumpulan, mempunyai semangat bekerjasama, pembelajaran akan berpusat kepada pelajar, pelajar akan mengeluarkan idea, kreatif, pelajar menjaga disiplin diri dan pelajar akan dihargai.

Daripada ciri-ciri di atas dapat dirumuskan bahawa simulasi melibatkan pelajar untuk bertindak memainkan peranan dan tanggungjawab secara terbuka, pelajar akan dapat berlatih dalam keadaan sebenar, boleh membuat keputusan sendiri dan merupakan satu aktiviti yang tidak membosankan mereka. Peranan guru juga lebih kepada sebagai fasilitator, membimbing aktiviti yang dijalankan agar pelajar dapat memahami peristiwa yang mereka pelajari.

### **2.6.3 Strategi Pelaksanaan Simulasi**

Simulasi adalah sebahagian daripada strategi pembelajaran aktif yang memerlukan penglibatan aktif pelajar. Menurut Abdul Ghafar Md. Din (2003) perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian sebelum simulasi dijalankan :

#### **2.6.3.1 Memilih Peristiwa Yang Sesuai**

Bukan semua peristiwa atau episod sesuai dilakonkan. Peristiwa yang benar-benar signifikan dan relevan boleh didipilih untuk dijadikan isi pelajaran, dalam kaedah simulasi. Di dalam kajian ini pengkaji telah memilih bidang ibadah daripada mata pelajaran Pendidikan Islam yang dirasakan signifikan untuk aktiviti simulasi.

#### **2.6.3.2 Pengenalan Kepada Pelajar**

Guru sebagai fasilitator mesti menjelaskan kepada pelajar tentang tujuan atau objektif aktiviti simulasi. Pelajar mesti betul-betul memahami konsep dan perkara berkaitan simulasi dan jelas tentang apa yang mereka akan lakukan berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih.

#### **2.6.3.3 Penyediaan Bahan**

Bahan yang berkaitan dengan aktiviti mesti disediakan terlebih dahulu, Jika seseorang guru memilih tajuk aktiviti tawaf di kaabah bagi menyempurnakan ibadat haji, maka guru mesti menyediakan satu binaan yang direka menyamai kaabah yang sebenar di Makkah, teks bacaan-bacaan yang perlu dibaca ketika tawaf, pakaian ihram bagi lelaki dan perempuan, begitu juga latar belakang yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk.

#### **2.6.3.4 Pemilihan Peserta**

Pelajar yang berperanan sebagai peserta boleh dipilih secara sukarela atau dipilih oleh guru, pelajar tersebut mesti jelas akan apa yang mereka lakukan.

#### **2.6.3.5 Perbincangan Pada Akhir Simulasi**

Guru dan pelajar perlu berbincang tentang peristiwa yang telah mereka saksi dan lakukan. Hasil daripada sesi perbincangan ini akan dapat membantu pelajar supaya lebih memahami peristiwa yang mereka alami dalam situasi yang sebenar nanti.

### **2.7 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan**

Menurut Bruce Joyce dan Marsha Weil et. al, (1986), model simulasi bukanlah berasal dari bidang pendidikan. Sebaliknya ia banyak diaplikasi dalam pengajaran “Cybernetics”, iaitu satu cabang ilmu psikologi yang melihat kepada perhubungan di antara manusia dan jentera atau mesin, iaitu bagaimana ilmu ini mengkonsepsikan pelajar yang bertindak sebagai pengatur sesuatu sistem.

Rozimah Jamaluddin (2003) menegaskan bahawa istilah permainan, simulasi dan permainan simulasi sering digunakan secara bertukar ganti, namun setiap istilah itu mempunyai maksud yang tersendiri. Permainan merupakan aktiviti yang melibatkan pelajar mengikut satu peraturan yang disediakan . Permainan semestinya berbeza dengan realiti kehidupan sebenar. Permainan biasanya cuma untuk menghiburkan sahaja, kadangkala menyebabkan pelajar cuai untuk menumpukan perhatian kepada objektif yang sebenar. Simulasi pula ialah satu aktiviti untuk memudahkan sebahagian situasi atau proses kehidupan sebenar. Dalam simulasi, pelajar biasanya akan berinteraksi dengan pelajar atau elemen lain. Jika aktiviti simulasi ini dirancang dengan baik, maka ia akan memberi kesan yang baik kepada pelajar untuk mengaplikasi sesuatu peristiwa dalam suasana pembelajaran sebenar dan akan mampu sampai ke tahap realisme. Permainan simulasi pula menggabungkan ciri-ciri simulasi dan permainan. Permainan simulasi biasanya melibatkan pembelajaran secara holistik, iaitu melalui model realiti dan interaksi pelajar untuk berusaha bagi mencapai sesuatu kejayaan.

Terdapat kajian-kajian tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah simulasi dijalankan oleh pengkaji samada di dalam negara atau luar negara. Namun begitu di negara kita, kajian berkaitan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah simulasi khususnya dalam Pendidikan Islam amat kurang dijalankan, berbanding dengan kajian luar negara.

Menurut Omar (2004), dapatan kajiannya ke atas guru-guru Pendidikan Islam di daerah Segamat menunjukkan, penggunaan bahan sumber memberi kesan positif ke atas proses pengajaran dan pembelajaran guru bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Guru-guru lebih gemar menggunakan bahan bantu yang mudah didapati dan dapat menyediakannya dengan segera seperti buku teks, buku rujukan, lembaran kerja, carta dan benda-benda sebenar daripada berbentuk permainan seperti main peranan, demonstrasi dan simulasi.

Kajian Abu Bakar (1991) tentang pola-pola pengajaran dan pembelajaran dan pengaruhnya terhadap pembelajaran mendapati bahawa pengajaran masih berpusatkan guru, pengeliban proses kognitif yang rendah dan tidak mencabar pelajar untuk bersifat lebih aktif dan inquisitif. Pengajaran dan pembelajaran tidak produktif kerana pelajar tidak mengambil bahagian dengan aktif.

Hasil daripada dua kajian di atas menunjukkan bahawa para pengkaji tempatan masih lagi mengkaji tentang proses pengajaran dan pembelajaran serta peranan guru dan penggunaan bahan bantu mengajar. Kajian-kajian terperinci yang menjurus kepada penggunaan kaedah tertentu dan kesannya kepada pelajar tidak banyak diketengahkan.

### **2.7.1 Kajian Luar Negara**

Anderson & Milliren (1983) menyatakan bahawa, kaedah tayangan filem, penggunaan buku, alat media dan demonstrasi serta simulasi amat berkesan untuk mengajar pelajar yang kurang memahami dan meminati sesuatu bidang pembelajaran di sekolah. Adapun Mc. Donell, Horner, & Williams (1984) pula menyebut bahawa guru boleh melatih pelajar dengan kaedah simulasi, bagaimana langkah menguruskan barangan di sebuah kedai runcit dengan mewujudkan suasana dan menyediakan beberapa peralatan yang biasa ada di sebuah kedai runcit, seperti rak-rak untuk meletakkan majalah, buku dan akhbar, senarai harga barangan dan barang-barang lain ke dalam kelas.

Jika dilihat dari segi faedah, Shafer, Inge, & Hill (1986) menjelaskan bahawa pelajar boleh dilatih dengan kaedah simulasi bagaimana cara untuk mengeluarkan wang daripada akaun melalui mesin pengeluaran wang (ATM), kajian ini disokong oleh Curvin & Furnival (1994) dalam kajiannya ke atas peserta-peserta yang akan bekerja di dalam bidang perniagaan mendapati, melalui latihan simulasi dalam proses pelaksanaan perniagaan dapat meningkatkan tahap kecergasan dan kecekapan ahli pekerja, terutamanya dalam penyertaan dan penglibatan menjalankan tugas.

Pengajaran berasaskan simulasi juga merupakan satu pendekatan ke arah melahirkan pelajar yang dapat menguasai sesuatu pengajaran, Westling & Floyd (1990) dalam kajiannya menyebut bahawa pelaksanaan simulasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar dapat mempelajari dan memahami proses simulasi secara terperinci, merasai suasana sebenar dengan penggunaan bahan dan peralatan yang berkaitan. Kajian Morse (1996) juga menunjukkan dapatan yang sama, walaupun pelajar agak susah untuk melakukan aktiviti simulasi pada tahap yang sebenar, namun kaedah ini amat berfaedah dan berkesan jika ianya dapat dilaksanakan. Kerr (1999) juga di dalam kajiannya menyebut bahawa di antara pendekatan penggunaan teknologi dalam bilik darjah ialah simulasi. Ia berpandangan bahawa simulasi bukanlah semestinya merupakan satu suasana dan gambaran sebenar bagi sesuatu keadaan, kerana ianya mungkin berbentuk satu permainan sahaja.

Kesimpulannya, hasil daripada kajian luar negara menunjukkan aktiviti simulasi amat sesuai dilaksana dan didedahkan kepada pelajar, begitu juga kepada pelatih-pelatih lain di dalam industri atau perniagaan. Persediaan dan perancangan yang rapi, juga pelaksanaan yang terkawal akan dapat mmemastikan kaedah ini benar-benar berkesan kepada pelajar.

### 2.7.2 Kajian Dalam Negara

Kajian Rosdi (2000) kepada 182 orang guru mata pelajaran sains di sekolah rendah di daerah Kuantan melalui soal selidik mendapati, kaedah simulasi kurang di aplikasikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor penyebabnya ialah masalah masa, peralatan, kos, pengalaman guru, saiz bilik darjah dan pihak pengurusan sekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa guru mempunyai kekangan dan masalah dari segi proses pelaksanaannya seperti guru kurang memahami kaedah simulasi, peralatan yang tidak mencukupi dan terpaksa disediakan sendiri oleh guru, peruntukkan masa yang terhad, saiz bilik darjah yang tidak sesuai, aktiviti yang melibatkan kos dan masalah daripada pihak pentadbir sekolah sendiri.

Kajian oleh Lim (2001) mendapati bahawa pembelajaran lebih mudah difahami dan lebih berkesan di samping dapat meningkatkan kemahiran penggunaan komputer dan penyebaran maklumat kepada pelajar. Begiru juga kajian oleh Juliana (2003) menunjukkan , program latihan yang dirancang dan dilaksanakan melalui kaedah simulasi dalam amalan “saie” untuk mengetahui sejauhmana ia memberi kesan kepada bakal haji dalam mengerjakan ibadat haji, pada keseluruhannya telah berjaya membantu dan meningkatkan tahap kecergasan bakal jamaah haji.

Hasil kajian oleh Halizah (2003) menunjukkan bahawa, amalan melakukan aktiviti kecergasan fizikal yang sistematik dan berterusan, contohnya melalui kaedah simulasi akan memberikan kesan yang positif kepada kehidupan. Kajian beliau adalah dalam amalan melakukan “tawaf” di kaabah bagi bakal jamaah haji. Begitu juga kajian Zakiah (2003) menunjukkan, tahap kecergasan kumpulan eksperimen di kalangan pelajar sebagai wakil jamaah haji mengalami peningkatan yang banyak

selepas mengikuti program simulasi khususnya aktiviti “melontar jamrah”. Adapun kumpulan kawalan hanya berlaku sedikit sahaja perubahan terhadap tahap kecergasan mereka. Ini menunjukkan bahawa kaedah simulasi yang telah dijalankan mampu meningkatkan motivasi dan rasa seronok pelajar hingga mereka mampu menunjukkan kesan positif terhadap tahap kecergasan diri mereka.

Hyacinth Gaudart (1993) dalam Pendidikan Di Malaysia : Arah dan Cabaran menyebut, terdapat dari kalangan guru-guru di Malaysia yang mempunyai masalah dari segi pedagogi dalam menjalankan kaedah simulasi di sekolah, iaitu guru mesti kreatif, kebimbangan pentadbir, jika guru tidak dapat mengawal kelas, mengganggu bilik darjah lain, kesukaran pelajar membawa watak atau tugas dan aktiviti akan di dominasi oleh sekumpulan pelajar tertentu sahaja.

Di sini pengkaji berpendapat bahawa, sekiranya elemen-elemen penting yang berkaitan dengan simulasi dirancang secara rapi dan bijak, kesemua masalah tersebut akan dapat diatasi. Dalam dunia pendidikan hari ini, guru mesti sentiasa kreatif dan melengkapkan diri dengan ilmu serta kemahiran, agar segala tugas dan tanggungjawab yang diberikan, dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Daripada kajian-kajian yang telah disebutkan tadi, menunjukkan bahawa tiada sebarang latar belakang kajian mengenai pelaksanaan kaedah simulasi dalam bidang Pendidikan Islam pernah dilakukan, cuma terdapat kajian untuk menguji tahap kecergasan dalam kaedah simulasi bagi bakal jamaah haji. Pengkaji berhasrat untuk melihat kesediaan guru-guru Pendidikan Islam dalam proses pelaksanaan pengajaran mereka dengan menggunakan model simulasi.

## **2.8 Penutup**

Kepelbagaian strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran akan memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk meningkatkan minat mereka kepada pengajaran guru. Walaupun pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam banyak menekankan kepada kaedah hafalan, terutamanya dalam bidang Al Quran dan Al Hadis juga Tamaddun Islam, namun di dalam bidang-bidang lain seperti Akidah, Ibadah dan Adab mempunyai ruang kepada guru untuk menggunakan kaedah lain seperti inkuiri penemuan, main peranan dan sebagainya termasuk simulasi, bagi memantapkan kemahiran kognitif dan psikomotor pelajar terhadap sesuatu tajuk pelajaran yang disampaikan kepada mereka.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Kajian ini bermatlamat untuk meninjau tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan model pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Sehubungan dengan itu, strategi kajian deskriptif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik telah dipilih bagi menjayakan kajian. Bab ini menerangkan secara terperinci bagaimana kajian dilaksanakan dengan menfokuskan kepada kaedah kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kesahan, kebolehpercayaan dan ujian rintis serta tatacara pengumpulan data dan analisis data.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian dijalankan dengan menggunakan strategi kajian jenis deskriptif berbentuk tinjauan. Satu jenis kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Gambaran kesediaan guru-guru terhadap model pengajaran simulasi ini dapat dilihat melalui tahap pernyataan dan persetujuan yang diberikan, iaitu 5(sentiasa melakukan), 4(selalu melakukan), 3(kadang-kadang melakukan), 2(sekali sekala) dan 1(tidak melakukan). Skor yang tinggi akan memberi gambaran tahap kesediaan yang positif terhadap sesuatu kriteria dan sebaliknya. Perbezaan tahap kesediaan responden diperolehi berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan pengalaman mengajar yang berbeza.

### **3.3 Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian adalah terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di daerah Kota Tinggi yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM. Populasi guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di daerah Kota Tinggi adalah seramai 105 orang.

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih seramai 50 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dari 10 buah Sekolah Menengah di daerah Kota Tinggi, Johor dari kawasan bandar dan luar bandar sebagai sampel kajian. Menurut Wiersma (2000) 1/3 daripada populasi kajian sudah mencukupi bagi mewakili sesuatu sampel kajian.

Oleh kerana bilangan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah adalah kecil, iaitu 105 orang sahaja, maka pengkaji telah memilih 50 orang sahaja daripada mereka sebagai responden kajian. Ini adalah untuk mengatasi masalah ketidakcukupan masa dan tenaga, malah untuk memastikan kajian ini dapat diselidiki dengan mendalam. Dengan itu generalisasi yang dibuat berdasarkan pandangan yang diterima daripada sampel dianggap sah sebagai kesimpulan daripada populisasi yang dikaji. Kajian ini telah dijalankan bermula tarikh 14 April 2007.

#### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Pengkaji menggunakan soal selidik dalam menjalankan kajian ini. Soal selidik sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Soal selidik merupakan satu bentuk instrumen atau alat formal yang digunakan bagi memperolehi maklumat secara langsung daripada responden berhubung sesuatu perkara yang dikaji oleh pengkaji.

Soal selidik terdiri daripada 4 bahagian iaitu Bahagian A adalah bertumpu kepada latar belakang responden yang merangkumi maklumat pembolehubah bebas seperti lokasi sekolah, jantina, umur dan pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Bahagian B adalah bertumpu kepada aspek pendedahan, Bahagian C berkenaan dengan pengalaman dan Bahagian D ialah tahap kesediaan.

Soal selidik di bahagian A mengandungi 3 item, secara keseluruhannya bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latarbelakang responden berhubung dengan pengalaman mengajar, jantina dan tempat bertugas responden. Ketiga tiga elemen ini penting bagi mendapatkan maklumat yang berbeza daripada pelbagai peringkat guru yang nanti akan memberi gambaran guru keseluruhannya. Bahagian B pula mengandungi 11 item soal selidik berkaitan dengan pendedahan responden mengenai model pengajaran simulasi khususnya tentang pendedahan yang pernah diterima oleh responden semasa pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan.

Bahagian C pula mengandungi 20 item soal selidik berkaitan dengan pengalaman responden sebagai pendidik yang menggunakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran mereka. Pengalaman tidak kurang juga merupakan satu elemen penting dalam proses pengajaran berasaskan model pengajaran simulasi, pengalaman seseorang guru dapat menggambarkan penguasaan pelbagai kemahiran, pengalaman membantu guru menangani pelbagai isu dan masalah semasa pelajar. Biasanya guru yang berpengalaman sentiasa menjadi rujukan kepada guru-guru baru kerana mereka lebih menguasai aspek praktikal berbanding guru-guru baru yang masih terikat dengan teori-teori pengajaran dan pembelajaran yang dipelajarinya.

Untuk melihat tahap keupayaan responden melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran diperolehi melalui soal selidik yang dibina di bahagian D, di mana bahagian ini mengandungi 17 item iaitu item 1, 2, 3 kesediaan dalam aspek perancangan, item 4, 5, 6, 7, 8, 9 mengenai kesediaan menyediakan bahan dan item 10, 11, 12, 13 pula berkaitan dengan keyakinan untuk melaksanakan model pengajaran simulasi dan item 14, 15, 16, 17 berkaitan rasa kurang yakin untuk melaksanakan model pengajaran simulasi. Butiran lengkap tentang soal selidik boleh dirujuk dalam lampiran. Taburan item soal selidik adalah seperti dalam jadual 3.1

Jadual 3.1 : Taburan item-item soal selidik

<b>Perkara</b>	<b>Bil.Item</b>	<b>Penerangan Tentang Item</b>
<b>Bahagian A</b>	<b>3</b>	Latar belakang responden
<b>Bahagian B</b>	<b>11</b>	Pendedahan responden mengenai model pengajaran simulasi
<b>Bahagian C</b>	<b>20</b>	Pengalaman responden melaksanakan model pengajaran simulasi
<b>Bahagian D</b>	<b>3</b>	Perancangan pengajaran
	<b>6</b>	Kesediaan menyediakan bahan
	<b>4</b>	Keyakinan melaksanakan model pengajaran simulasi
	<b>4</b>	Halangan untuk melaksanakan model pengajaran simulasi

Responden diberi dua pilihan jawapan iaitu "ya" dan "tidak" bagi item-item bahagian B dan D. Soal selidik jenis ini dibina bertujuan supaya responden dapat menjawab dengan tepat berdasarkan kepada pendedahan dan sejauhmana mereka bersedia untuk melaksanakan model pengajaran simulasi. Sementara bagi item Bahagian C pula memerlukan responden menjawab soal selidik dengan memilih jawapan berasaskan skala ala Likert 5 peringkat.

Setiap item dalam bahagian C mengkehendaki responden menjawab mengikut skala 5 mata, iaitu 1(tidak melakukan), 2(sekali sekala), 3(kadang-kadang), 4(selalu) dan 5(sentiasa). Item dalam instrumen kajian bahagian C ini dipilih berdasarkan kepada elemen-elemen model pengajaran simulasi yang sering diamalkan. Namun begitu, setiap item yang dipilih telah diubah suai oleh pengkaji, khususnya bagi tujuan kajian ini dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan dan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Setiap bahagian yang dicadangkan mempunyai kepentingan dan sumbangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kriteria pendedahan amat penting kerana melalui pendedahan yang berkesan dan terancang sahaja sesuatu isi kandungan dapat disampaikan dan difahami oleh pelajar. Guru yang benar-benar mendapat pendedahan bagi sesuatu kaedah akan dapat memberi fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, membina hubungan kolaborasi di kalangan pelajar, mencetus idea dan dapat menarik minat pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran guru. Selain itu, kriteria pengalaman juga penting kerana ia berguna kepada guru untuk memastikan kualiti pengajaran sentiasa ditingkatkan, bersesuaian dengan tuntutan dan perubahan model pengajaran.

### **3.4.1 Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dilakukan, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap soal selidik yang telah disediakan. Borang soal selidik yang dibina telah dibaca dan dijawab oleh 10 orang guru Pendidikan Islam yang dipilih, ke semua mereka tidak terlibat dalam kajian sebenar. Berdasarkan kajian rintis tersebut, data diuji untuk melihat nilai pekali Alpha Cronbach. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar et.al, (1999), Alpha Cronbach merupakan koefisien atau pekali kebolehpercayaan yang menunjukkan item-item kajian berhubung antara satu sama lain. Jika nilai menghampiri 1, ini menunjukkan kebolehpercayaan adalah tinggi dan baik, jika 0.6 dan 0.7 boleh diterima manakala jika melebihi 0.8 adalah sangat baik. Mengikut Best & Kahn (1986), nilai pekali Cronbach Alpha yang melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi untuk menerima kebolehpercayaan item tersebut. Nilai pekali alpha dari kajian rintis yang telah dijalankan adalah seperti Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2 : Kod item, Bilangan item, Pekali kebolehpercayaan Alpha bagi setiap aspek pendedahan, pengalaman dan tahap kesediaan.( Lihat Lampiran )

<b>Aspek</b>	<b>Kod Item</b>	<b>Bil.Item</b>	<b>Kebolehpercayaan Alpha</b>
<b>Pendedahan</b>	B1- B 11	11	0.6474
<b>Pengalaman</b>	C1- C 20	20	0.9781
<b>Tahap Kesediaan</b>	D1 – D 17	17	0.6154

### **3.5 Prosedur Kajian**

Kajian ini ditadbirkan dengan menggunakan satu set borang soal selidik. Penyelidik akan mendapatkan surat kelulusan terlebih dahulu dari pihak Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pelajaran Daerah dan Surat Pengesahan Status Pelajar daripada Universiti Teknologi Malaysia. Seterusnya pengkaji membuat temujanji dengan pihak pengetua sekolah yang terlibat dalam kajian terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan dan menetapkan masa yang sesuai bagi mengedarkan borang soal selidik kepada guru-guru Pendidikan Islam sebagai responden kajian di sekolah tersebut. Beberapa persetujuan antara pengkaji dan pihak pengurusan sekolah telah diambil, sebagai contohnya soal selidik ditadbirkan oleh pihak sekolah melalui Ketua Panitia Mata pelajaran Pendidikan Islam, ianya bertujuan bagi mengelakkan guru-guru meninggalkan bilik darjah dan mengambil masa yang lama untuk melengkap dan mengumpulkan semula soal selidik tersebut. Semua sekolah bersetuju untuk mengembalikan semula soal selidik tersebut dalam masa satu minggu.

Semua soal selidik yang telah diisi dan dilengkapkan oleh responden diambil sendiri oleh pengkaji pada tarikh dan masa yang telah dipersetujui dengan bantuan pihak sekolah berkenaan. Pengumpulan semula soal selidik mengambil masa 6 hari.

### **3.6 Analisis Data**

Data-data dari responden dikumpul dan dianalisis berdasarkan item-item di dalam soal selidik. Bagi menganalisis item-item tersebut pengkaji menggunakan analisis diskriptif yang merujuk kepada penganalisan data-data yang diperolehi dari hasil soal selidik. Analisis data dibentuk berdasarkan kekerapan taburan dan peratusan, diikuti dengan min dan statistik deskriptif yang bersesuaian. Dalam analisis soal selidik, sebanyak 46 ( 92%) soal selidik yang dikembalikan oleh responden telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian “SPSS” versi 15 kerana ia mengandungi pengaturcaraan statistik yang sistematik.

Latar belakang responden dalam bahagian A soal selidik dianalisis secara bilangan dan peratus bagi memperoleh taburan responden dari segi lokasi sekolah bandar, luar bandar, jantina dan pengalaman mengajar. Setiap item dalam bahagian B dan D soal selidik pula dianalisis dengan menggunakan penghitungan jumlah dan peratusan. Bahagian C soal selidik pula dianalisis dengan menggunakan penghitungan min. Analisis min digunakan bagi menentukan samada tahap pengalaman responden terhadap setiap item itu negatif atau rendah, sederhana, mahupun positif atau baik. Untuk menjelaskan maksud min yang diperolehi satu titik pengimbang dibina untuk menilai skor dari 1 – 5. Nilai 3 yang berada di tengah sebagai titik pengimbang. Nilai min yang diperolehi antara

1 – 2.99 menunjukkan persepsi terhadap pengalaman responden yang negatif terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi. Manakala nilai min antara 3 – 3.99 menunjukkan tahap sederhana atau neutral. Adapun nilai min antara 4.00 – 5.00 menunjukkan tahap yang baik atau positif terhadap pengalaman pelaksanaan model pengajaran simulasi.

Analisis min yang sedemikian dapat mengenalpasti secara lebih tepat tahap pengalaman guru-guru dalam melaksanakan model pengajaran simulasi. Pembahagian analisis min seperti ini dapat memastikan dengan jelas pendirian responden terhadap setiap elemen dalam bahagian tersebut, samada responden berpengalaman melaksanakan prose pengajaran dan pembelajaran dengan mengamalkan elemen tersebut atau sebaliknya.

### **3.7 Penutup**

Pelbagai kaedah pengumpulan data kajian boleh digunakan dalam meninjau tahap kesediaan guru-guru dalam pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah, walau bagaimanapun dalam kajian ini kaedah soal selidik telah dipilih bagi menjayakan kajian. Kaedah soal selidik sebenarnya dapat memberikan dapatan kajian dalam jangka masa yang cepat dan mudah serta dapatan kajian masih setanding dengan kaedah pengumpulan data yang lain kerana ia dilakukan mengikut langkah-langkah yang ditetapkan di dalam pengkaedahannya.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Kajian ini telah dijalankan di 10 buah Sekolah Menengah di daerah Kota Tinggi, Johor yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai subjek teras. Sebanyak 50 borang soal selidik telah diedarkan, namun hanya 46 soal selidik sahaja yang dikembalikan oleh responden yang terlibat. Dapatan kajian meliputi persoalan pendedahan guru-guru Pendidikan Islam tentang model pengajaran simulasi, pengalaman mereka melaksanakan model pengajaran simulasi dan tahap kesediaan mereka untuk melaksanakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran.

Kajian ini hanya melibatkan satu kaedah pengumpulan data, iaitu soal selidik. Soal selidik yang dianalisis diperolehi daripada guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah di daerah Kota Tinggi.

## 4.2 Latar Belakang Responden

Latar belakang responden melihat kepada taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi sekolah, taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina dan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar Pendidikan Islam.

**Jadual 4.2.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Sekolah**

Lokasi sekolah	Bilangan	Peratus
Bandar	20	43.5 %
Luar bandar	26	56.5 %
Jumlah	46	100 %

Jadual 4.2.1. menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi sekolah. Seramai 20 orang (44%) mengajar di sekolah dalam bandar sementara 26 orang lagi (56%) mengajar di sekolah luar bandar.

**Jadual 4.2.2.: Taburan Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Jantina**

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	19	41.3 %
Perempuan	27	58.7 %
Jumlah	46	100 %

Jadual 4.2.2. menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 19 orang (41%) terdiri daripada guru lelaki dan 27 orang (59%) adalah guru perempuan.

**Jadual 4.2.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Pendidikan Islam**

Pengalaman mengajar Pendidikan Islam	Bilangan	Peratus
1 – 5 tahun	17	37 %
5 – 10 tahun	17	37 %
11 – 15 tahun	7	15.2 %
16 – 20 tahun	1	2.2 %
21 – 25 tahun	4	8.7 %
Jumlah	46	10 %

Jadual 4.2.3. menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar mata pelajaran pendidikan Islam. Setiap 17 orang (37%) masing-masing telah mengajar Pendidikan Islam antara 1 hingga 5 tahun dan antara 6 hingga 10 tahun, 7 orang (15%) telah mengajar antara 11 hingga 15 tahun, 4 orang (9%) telah mengajar Pendidikan Islam antara 21 hingga 25 tahun dan seorang (2%) telah mengajar Pendidikan Islam antara 16 hingga 20 tahun.

### **4.3 Maklumbalas Responden Terhadap Persoalan Kajian.**

Berikut ialah analisis bilangan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi meninjau persepsi responden terhadap setiap item bagi aspek-aspek pendedahan guru mengenai model pengajaran simulasi, pengalaman guru Pendidikan Islam menggunakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran dan kesediaan guru Pendidikan Islam melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran.

Item-item bagi aspek pendedahan guru mengenai model pengajaran simulasi dan keupayaan guru Pendidikan Islam melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran mempunyai format jawapan “ya” dan “tidak” sementara item-item bagi aspek pengalaman guru Pendidikan Islam menggunakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran mempunyai format jawapan “tidak melakukan”, “sekali sekala”, “kadang-kadang melakukan”, “selalu melakukan” dan “sentiasa melakukan”.

**Jadual 4.3.1: Maklumbalas Responden Mengenai Pendedahan Guru Model Pengajaran Simulasi**

	Kenyataan	Ya	Tidak
3	Latihan yang diterima mengenai Model Pengajaran Simulasi penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri Model Pengajaran Simulasi	44 (95.7 %)	2(4.3%)
1	Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa pra perkhidmatan di maktab atau di universiti	40(87%)	6(13%)
6	Saya mendapat pengetahuan mengenai MPS melalui bahan bacaan	40(87%)	6(13.0%)
5	Latihan yg diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti MPS dlm pengajaran	37(80.4%)	9(19.6%)
4	Latihan yg diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan Model Simulasi dalam pengajaran	36(78.3%)	10(21.7%)
2	Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa dalam perkhidmatan	35(76.1%)	11(23.9%)
7	Saya memperolehi pengetahuan mengenai MPS melalui perbincangan dengan rakan	33(71.7%)	13(28.3%)
8	Saya mempunyai pengetahuan mengenai MPS dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah	22(47.8%)	24(52.2%)
10	Saya mendapat pengetahuan mengenai MPS daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada pusat sumber sekolah	19(41.3%)	27(58.7%)
11	Saya memperolehi pengetahuan mengenai MPS dengan mengikuti program pendidikan di televisyen mengenai MPS	10(21.7%)	36(78.3%)
9	Saya memperolehi pengetahuan mengenai MPS dengan melayari laman web mengenai MPS	5(10.9%)	41(89.1%)

n=46

Jadual 4.3.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang memberi maklumbalas terhadap item-item aspek pendedahan guru mengenai model pengajaran simulasi.

Di dalam jadual di sebelah, dapatan menunjukkan lebih 70% guru menjawab 'ya' terhadap tujuh kenyataan daripada sebelas kenyataan yang tersenarai. Kenyataan-kenyataan tersebut ialah item yang ketiga 'Latihan yang diterima mengenai model pengajaran simulasi penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri model pengajaran simulasi' (96%), item pertama dengan kenyataan 'Saya pernah didedahkan mengenai model pengajaran simulasi semasa pra perkhidmatan di maktab atau di universiti' (87%), item keenam dengan kenyataan 'Saya mendapat pengetahuan mengenai MPS melalui bahan bacaan' (87%), item kelima dengan kenyataan 'Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti MPS dalam pengajaran' (80%), item keempat dengan kenyataan 'Latihan yg diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan model simulasi dalam pengajaran' (78%), item kedua dengan kenyataan 'Saya pernah didedahkan mengenai model pengajaran simulasi semasa dalam perkhidmatan' (76%) dan item ketujuh dengan kenyataan 'Saya memperoleh pengetahuan mengenai MPS melalui perbincangan dengan rakan' (72%). Bagi lain-lain item, peratusan guru yang menjawab 'tidak' adalah antara 52% hingga 89%.

**Jadual 4.3.2: Maklumbalas Responden Terhadap Pengalaman Menggunakan Model Pengajaran Simulasi dalam Pengajaran**

	Kenyataan	Tidak melakukan	Sekali sekala	Kadang-kadang	Selalu	Sentiasa	Min	SP
20	Menghargai bakat dan kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan	-	3(6.5%)	9(19.6%)	20(43.5%)	14(30.4%)	3.98	.88
13	Membimbing murid untuk bekerja di dalam satu kumpulan	1(2.2%)	2(4.3%)	6(13.0%)	26(56.5%)	11(23.9%)	3.96	.87
15	Memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat	1(2.2%)	3(6.5%)	7(15.2%)	22(47.8%)	13(28.3%)	3.93	.95
17	Memberi dorongan kepada murid menggunakan pancaindera dan bahan bantu yang disediakan secara langsung	1(2.2%)	1(2.2%)	8(17.4%)	26(56.5%)	10(21.7%)	3.93	.83
16	Memberi peluang kepada murid melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan	-	3(6.5%)	8(17.4%)	25(54.3%)	10(21.7%)	3.91	.81
14	Membimbing murid untuk mengeluarkan idea, menunjukkan bakat dan kreativiti mereka	-	5(10.9%)	9(19.6%)	19(41.3%)	13(28.3%)	3.87	.95
11	Memastikan semua murid akan terlibat dalam aktiviti yang dijalankan	-	3(6.5%)	11(23.9%)	22(47.8%)	10(21.7%)	3.85	.84

Sambungan jadual...

6	Memaklumkan kepada murid tentang peraturan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti	1(2.2%)	5(10.9%)	8(17.4%)	20(43.5%)	12(26.1%)	3.80	1.02
19	Mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan	1(2.2%)	4(8.7%)	8(17.4%)	23(50.0%)	10(21.7%)	3.80	.96
7	Melatih murid agar mereka faham apa yang akan dilakukan berkaitan tajuk yang telah dipilih	-	5(10.9%)	11(23.9%)	22(47.8%)	8(17.4%)	3.72	.89
12	Memilih murid sebagai peserta yang akan membawa watak dalam aktiviti	-	4(8.7%)	10(21.7%)	27(58.7%)	5(10.9%)	3.72	.78
18	Meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru	1(2.2%)	3(6.5%)	11(23.9%)	24(52.2%)	7(15.2%)	3.72	.87
5	Memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti	-	8(17.4%)	11(23.9%)	17(37.0%)	10(21.7%)	3.63	1.02
3	Memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti	1(2.2%)	2(4.3%)	16(34.8%)	22(47.8%)	5(10.9%)	3.61	.83
10	Membimbing murid melakukan aktiviti sebelum pelaksanaan aktiviti sebenar	-	9(19.6%)	10(21.7%)	17(37.0%)	10(21.7%)	3.61	1.04
2	Memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktiviti	1(2.2%)	6(13.0%)	14(30.4%)	22(47.8%)	3(6.5%)	3.43	.87

Sambungan jadual...

4	Menyediakan bahan Bantu mengajar sebelum memulakan aktiviti	1(2.2%)	5(10.9%)	17(37.0%)	19(41.3%)	4(8.7%)	3.43	.89
8	Memberi latihan kepada murid bagaimana untuk membawa watak dalam aktiviti yang akan dijalankan	2(4.3%)	5(10.9%)	17(37.0%)	21(45.7%)	1(2.2%)	3.30	.87
9	Mengadakan beberapa sesi latihan agar murid dapat menghayati watak dalam aktiviti	5(10.9%)	5(10.9%)	20(43.5%)	10(21.7%)	6(13.0%)	3.15	1.13
1	Memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui model simulasi	2(4.3%)	9(19.6%)	21(45.7%)	10(21.7%)	4(8.7%)	3.11	.97

n=46

Jadual 4.3.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang memberi maklumbalas terhadap item-item aspek pengalaman guru Pendidikan Islam menggunakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran. Berdasarkan skor min di dalam jadual di sebelah, kesemua kenyataan mempunyai skor min yang agak sederhana iaitu antara 3.11 hingga 3.98. Ini menunjukkan bahawa guru-guru mengamalkan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam kesemua item tersebut di tahap sederhana.

**Jadual 4.3.3: Maklumbalas Responden Terhadap Kesiediaan Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam Pengajaran**

	Kenyataan	Ya	Tidak
11	Melalui Model Pengajaran Simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis	46(100%)	0(0%)
12	Melalui pelaksanaan MPS proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik	46(100)%	0(%)
10	Saya yakin melalui pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi akan dapat menggalakkan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah	44(95.7%)	2(4.3%)
9	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dgn kos yg rendah	43(93.5%)	3(6.5%)
13	Saya yakin keselamatan murid akan terjamin dengan pelaksanaan MPS	43(93.5%)	3(6.5%)
1	Saya memulakan pengajaran dengan set induksi	40(87%)	6(13%)
	Saya merancang aktiviti yang berteraskan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran	40(87%)	6(13%)
2	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan Model Simulasi	38(82.6%)	8(17.4%)
4	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar 'maujud' dalam pengajaran berasaskan model simulasi	35(76.1%)	11(23.9%)
5	Saya akan memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah	27(58.7%)	19(41.3%)
8	Jika perlu, saya juga akan mendapatkan kerjasama pihak Pusat Kegiatan Guru (PKG) Daerah dalam penyediaan bahan bantu mengajar	24(52.2%)	22(47.8%)

Sambungan jadual...

6	Saya akan meminta tolong guru/rakan dalam menyediakan bahan bantu mengajar	22(47.8%)	24(52.2%)
16	Saya tidak pasti murid akan mampu untuk melaksanakan watak atau tugas yang telah diberikan kepada mereka	22(47.8%)	24(52.2%)
7	Jika perlu, saya akan meminta bantuan daripada agensi luar untuk mendapatkan bahan bantu mengajar	21(45.7%)	25(54.3%)
17	Saya tidak yakin untuk melaksanakan MPS dalam pengajaran sebab saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai model ini	13(28.3%)	33(71.7%)
14	Saya berasa agak sukar untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran	9(19.6%)	37(80.4%)
15	Saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini akan mengganggu kelas lain	7(15.2%)	39(84.8%)

n=46

Jadual 4.3.3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang memberi maklumbalas terhadap item-item aspek kesediaan guru Pendidikan Islam melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran.

Bagi aspek kesediaan guru, antara 52% hingga 100% guru menjawab 'ya' terhadap sebelas kenyataan di dalam bahagian ini. Item kesebelas dengan kenyataan 'melalui model pengajaran simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis' (100%), item kedua belas dengan kenyataan 'melalui pelaksanaan MPS proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik' (100%), item kesepuluh dengan kenyataan 'melalui pelaksanaan model pengajaran simulasi akan dapat menggalakkan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah' (96%), item kesembilan

dengan kenyataan 'berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dengan kos yang rendah' (94%), item ketiga belas dengan kenyataan 'yakin keselamatan murid akan terjamin dengan pelaksanaan MPS' (94%), item pertama dengan kenyataan 'memulakan pengajaran dengan set induksi' (87%), item ketiga dengan kenyataan 'merancang aktiviti yang berteraskan model pengajaran simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran' (87%), item kedua dengan kenyataan 'menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan model simulasi' (83%), item keempat dengan kenyataan 'berupaya menyediakan bahan bantu mengajar 'maujud' dalam pengajaran berasaskan model simulasi' (76%), item kelima dengan kenyataan 'memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah' (59%) dan item kelapan dengan kenyataan 'mendapatkan kerjasama pihak Pusat Kegiatan Guru (PKG) Daerah dalam penyediaan bahan bantu mengajar' (52%). Bagi lain-lain kenyataan, antara 15% hingga 48% guru menjawab 'tidak'

**Jadual 4.3.4: Peratusan Pendedahan Guru Pendidikan Islam Mengenai Model Pengajaran Simulasi Mengikut Lokasi Sekolah**

Pendedahan mengenai Model Pengajaran Simulasi	Lokasi Sekolah			
	Bandar		Luar Bandar	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
2.Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa dalam perkhidmatan.	14(70%)	6(30%)	21(81%)	5(19%)
3.Latihan yang diterima mengenai Model Pengajaran Simulasi penting untuk meningkatkan				

pengetahuan guru terhadap ciri-ciri Model Pengajaran Simulasi.	19(95%)	1(5%)	25(96%)	1(4%)
--	---------	-------	---------	-------

Sambungan jadual...

4.Latihan yang diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan Model Simulasi dalam pengajaran	12( 60%)	8(40%)	24(92%)	2(8%)
5.Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran.	14(70%)	6(30%)	23(88%)	3(12%)
6.Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi melalui bahan bacaan	19(95%)	1(5%)	21(81%)	5(19%)
7.Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi melalui perbincangan dengan rakan.	13(65%)	7(35%)	20(77%)	6(23%)
8.Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah.	8(40%)	12(60%)	14(54%)	12(46%)
9.Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan melayari laman web mengenai Model Pengajaran Simulasi	3(15%)	17(85%)	2(8%)	24(92%)
10.Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada pusat sumber sekolah.	10(50%)	10(50%)	9(35%)	17(65%)
11. Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan mengikuti program pendidikan di televisyen mengenai Model	2(10%)	18(90%)	8(31%)	18(69%)

Pengajaran Simulasi		
---------------------	--	--

Jadual 4.3.4 menunjukkan bahawa analisis peratusan yang paling tinggi ialah 25(54.3%) bagi item 3 (latihan yang diterima mengenai model pengajaran simulasi penting untuk meningkatkan pengetahuan guru tentang ciri-ciri model pengajaran simulasi) yang diberikan oleh responden yang mengajar di kawasan luar bandar. Begitu juga bagi responden yang mengajar di kawasan bandar, mereka juga memberi respon yang paling tinggi bagi item ini iaitu 19(41.3%). Dapatan daripada analisis menunjukkan bahawa responden sedar bahawa latihan yang pernah mereka ikuti mengenai model pengajaran simulasi penting untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai model pengajaran ini. Adapun analisis peratusan yang paling rendah ialah 1(2.2%) bagi item 3 juga yang dinyatakan oleh guru pendidikan Islam yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar, di mana mereka menyatakan tidak mendapat pendedahan mengenai model pengajaran simulasi ini.

Secara keseluruhannya kumpulan responden yang terdiri daripada guru pendidikan Islam yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar memberi gambaran yang berbeza terhadap semua kriteria dalam item bagi aspek pendedahan yang pernah mereka terima mengenai model pengajaran simulasi ini. Ini mungkin disebabkan mereka kurang memberi tumpuan semasa menghadiri kursus, seminar atau bengkel yang diadakan, ataupun kurangnya penekanan oleh pihak-pihak yang terlibat mengenai kepentingannya.

**Jadual 4.3.5: Peratusan Keupayaan Guru Pendidikan Islam Mengenai Model Pengajaran Simulasi Mengikut Lokasi Sekolah**

Keupayaan Guru Pendidikan Islam Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi		Lokasi Sekolah			
		Bandar		Luar Bandar	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Saya memulakan pengajaran dengan set induksi.	17(85%)	3(15%)	23(88%)	3(12%)
2.	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan Model Simulasi	16(80%)	4(20%)	22(85%)	4(15%)
3.	Saya merancang aktiviti yang berteraskan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran	16(80%)	4(20%)	24(92%)	2(8%)
4.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar "maujud" dalam pengajaran berasaskan Model Simulasi	12(60%)	8(40%)	23(88%)	3(12%)
5.	Saya akan memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah	10(50%)	10(50%)	17(65%)	9(35%)
	Saya akan meminta tolong guru / rakan dalam menyediakan bahan bantu mengajar.	10(50%)	10(50%)	12(46%)	14(54%)
7.	Jika perlu, saya akan meminta bantuan daripada agensi luar untuk mendapatkan bahan bantu mengajar.	9(45%)	11(55%)	12(46%)	14(54%)
8.	Jika perlu, saya juga akan mendapatkan				

	kerjasama pihak Pusat Kegiatan Guru (PKG) Daerah dalam penyediaan bahan bantu mengajar.	12(60%) 8(40%)	12(46%) 14(54%)
--	---	----------------	-----------------

Sambungan jadual...

9.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dengan kos yang rendah	18(90%) 2(10%)	25(96%) 1(4%)
10	Saya yakin melalui pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah	18(90%) 2(10%)	26(100%) 0(0%)
11	Melalui Model Pengajaran Simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis	20(100%) 0(0%)	26(100%) 0(0%)
12	Melalui Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik	20(100%) 0(0%)	26(100%) 0(0%)
13	Saya yakin keselamatan murid akan terjamin dengan pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi	19(95%) 1(5%)	24(92%) 2(8%)
14	Saya berasa agak sukar untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran.	3(15%) 17(85%)	6(23%) 20(77%)
15	Saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini akan mengganggu kelas lain.	1(5%) 19(95%)	6(23%) 20(77%)
16	Saya tidak pasti murid akan mampu untuk melaksanakan watak atau tugas yang telah diberikan kepada mereka.	10(50%) 10(50%)	12(46%) 14(54%)
17	Saya tidak yakin untuk melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran sebab		

	saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai model ini.	5(25%)    15(75%)	8(31%)    18(69%)
--	--	-------------------	-------------------

Jadual 4.3.5 menunjukkan analisis peratusan terhadap aspek keupayaan guru pendidikan Islam berdasarkan lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Responden guru pendidikan Islam dari kawasan luar bandar memberi persepsi yang lebih tinggi iaitu 26(56.5%) bagi tiga item, item 10 ( saya yakin melalui pelaksanaan model pengajaran simulasi akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah ), item 11 ( melalui model pengajaran simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kreatif ) dan item 12 ( melalui pelaksanaan model pengajaran simulasi proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik ). Bagi analisis peratusan yang paling rendah pula ialah item 15 ( saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini akan mengganggu kelas lain, iaitu 1(2.2%) sahaja,

**Jadual 4.3.6: Peratusan Keupayaan Guru Pendidikan Islam Mengenai Model Pengajaran Simulasi Berdasarkan Pengalaman Mengajar.  
( Bilangan Responden Yang Menjawab "YA" )**

Keupayaan Guru Dalam Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi		Pengalaman				
		1-5 Tahun	6-10 Tahun	11-15 Tahun	16-20 Tahun	21-25 Tahun
1.	Saya memulakan pengajaran dengan set induksi.	14(30.4%)	14(30.4%)	71(5.2%)	1(2.2%)	5(10.9%)
2.	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat					

	pengajaran berasaskan Model Simulasi	13(28.3%)	12(26.1%)	7(15.2%)	1(2.2%)	5(10.9%)
--	--------------------------------------	-----------	-----------	----------	---------	----------

Sambungan jadual...

3.	Saya merancang aktiviti yang berteraskan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran	14(30.4%)	14(30.4%)	7(15.2%)	1(2.2%)	4(8.7%)
4.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar "maujud" dalam pengajaran berasaskan Model Simulasi	12(26.1%)	13(28.3%)	6(13.0%)	1(2.2%)	4(8.7%)
5.	Saya akan memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah	8(17.4%)	11(23.9%)	3(6.5%)	1(2.2%)	4(8.7%)
6.	Saya akan meminta tolong guru / rakan dalam menyediakan bahan bantu mengajar.	6(13.0%)	10(21.7%)	2(4.3%)	1(2.2%)	5(10.9%)
7.	Jika perlu,saya akan meminta bantuan daripada agensi luar untuk mendapatkan bahan bantu mengajar.	5(10.9%)	10(21.7%)	2(4.3%)	1(2.2%)	5(10.9%)
8.	Jika perlu,saya juga akan mendapatkan kerjasama pihak Pusat Kegiatan Guru (PKG) Daerah dalam penyediaan bahan bantu mengajar.	8(17.4%)	11(23.9%)	2(4.3%)	1(2.2%)	4(8.7%)

Sambungan jadual...

9	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dengan kos yang rendah	15(32.6%)	16(34.8%)	7(15.2%)	1(2.2%)	5(10.9%)
10	Saya yakin melalui pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah	16(34.8%)	16(34.8%)	6(13.0%)	1(2.2%)	5(10.9%)
11	Melalui Model Pengajaran Simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis	16(34.8%)	17(37.0%)	7(15.2%)	1(2.2%)	5(10.9%)
12	Melalui Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik	17(37.0%)	17(37.0%)	7(15.2%)	1(2.2%)	5(10.9%)
13	Saya yakin keselamatan murid akan terjamin dengan pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi	16(34.8%)	16(34.8%)	7(15.2%)	1(2.2%)	5(10.9%)
14	Saya berasa agak sukar untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran.	5(10.9%)	3(6.5%)	1(2.2%)	-	0%

Sambungan jadual...

15	Saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini akan mengganggu kelas lain.	5(10.9%)	1(2.2%)	1(2.2%)	-	0%
16	Saya tidak pasti murid akan mampu untuk melaksanakan watak atau tugas yang telah diberikan kepada mereka.	9(19.6%)	8(17.4%)	4(8.7%)	-	1(2.2%)
17	Saya tidak yakin untuk melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran sebab saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai model ini.	6(13.0%)	5(10.9%)	1(2.2%)	-	1(2.2%)

Jadual 4.3.6 menunjukkan analisis responden terhadap aspek keupayaan dalam melaksanakan pengajaran mengikut pengalaman mengajar berdasarkan model simulasi, responden yang dipilih ialah yang menjawab “ YA “ bagi setiap item yang dikemukakan. Analisis peratusan yang paling tinggi ialah bagi item 12 iaitu 16(37.0%) bagi kriteria kesan proses pengajaran melalui model simulasi kepada pelajar. Analisis yang tinggi ini mewakili responden yang berpengalaman mengajar di antara 1 – 5 tahun.

Analisis yang tinggi ini mungkin disebabkan guru-guru yang baru dilantik biasanya memiliki semangat dan keyakinan yang tinggi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori yang mereka pelajari. Responden berkeyakinan bahawa model pengajaran simulasi mampu mewujudkan proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran kearah yang lebih baik.

Berdasarkan analisis peratusan di sebelah, responden yang berpengalaman antara 21 – 25 tahun memberi maklumbalas yang rendah pada keeluruannya berbanding responden lain. Kriteria penilaian yang paling rendah ialah item 14 dan 15 berkaitan kriteria kawalan kelas, iaitu 0%. Responden langsung tidak menjawab bagi ke dua item tersebut, seolah-olah mereka tidak yakin untuk melaksanakan model pengajaran ini dan berasa bimbang jika gagal mengawal kelas. Situasi ini mungkin kerana mereka tergolong dalam kumpulan guru-guru lama dan tidak perlu lagi menggunakan model atau kaedah tertentu untuk proses pengajaran pembelajaran. Bagi responden yang berpengalaman antara 6 -10 tahun pula menunjukkan keupayaan yang tinggi juga secara keseluruhannya diikuti dengan responden yang berpengalaman antara 11 – 15 tahun.

#### **4.4 Penutup**

Kajian untuk melihat tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah, khususnya di kalangan guru-guru Pendidikan Islam telah dapat dijalankan mengikut fokus persoalan kajian, iaitu cuba mengenalpasti persoalan mengenai pendedahan yang pernah diterima oleh guru-guru Pendidikan Islam mengenai model pengajaran simulasi, mengenalpasti pengalaman guru-guru Pendidikan Islam mengajar mata pelajaran

Pendidikan Islam berasaskan model pengajaran simulasi dan menentukan tahap kesediaan guru-guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat lagi, pengkaji telah membahagikan aspek persoalan mengenai pendedahan dan keupayaan mengikut lokasi sekolah, iaitu bandar dan luar bandar. Adapun kategori keupayaan pula dianalisis mengikut pengalaman mengajar responden. Dapatan menunjukkan bahawa responden dari kalangan kawasan bandar dan luar bandar sebahagian besarnya pernah mendapat pendedahan mengenai model pengajaran simulasi. Begitu juga dengan keupayaan untuk melaksanakan model pengajaran ini, dapatan menunjukkan bahawa semua responden bersedia secara sederhana untuk mengaplikasi model ini dalam pengajaran mereka, namun begitu terdapat juga di kalangan mereka yang kurang bersedia disebabkan faktor kebimbangan gagal mengawal kelas dan pelajar akan mengganggu kelas lain. Bagi aspek keupayaan mengikut pengalaman mengajar pula, dapatan menunjukkan responden yang berpengalaman antara 1- 5 dan 6-10 tahun bersedia dan berupaya untuk menggunakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran mereka, diikuti dengan responden yang berpengalaman antara 11-15 tahun dan responden yang berpengalaman antara 21-25 tahun pula agak kurang bersedia untuk melaksanakan model pengajaran ini dalam pengajaran mereka.



## **BAB V**

### **PENGENALAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kesediaan guru-guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Daerah Kota Tinggi, Johor. Bab ini pengkaji akan menghuraikan gambaran secara menyeluruh tentang kajian ini, termasuklah persoalan-persoalan kajian serta jawapan kepada persoalan-persoalan berkenaan berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi menerusi kajian ini. Selain daripada itu, implikasi dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan untuk penyelidikan masa depan juga dimuatkan dalam bab ini.

## 5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk melihat kesediaan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran berasaskan model pengajaran simulasi di sekolah. Ianya menjurus kepada mengenalpasti pendedahan yang pernah diterima oleh guru-guru Pendidikan Islam mengenai model pengajaran simulasi, mengenalpasti pengalaman mereka mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam berasaskan model pengajaran simulasi dan kesediaan mereka terhadap pelaksanaan model ini, khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Maklumat kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik. Sebanyak 50 soal selidik telah diedarkan kepada responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Pengkaji hanya menerima balik sebanyak 46(96%) soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden.

Di antara dapatan utama kajian ini ialah sebahagian besar guru-guru Pendidikan Islam pernah menerima pendedahan mengenai model pengajaran simulasi, ini berdasarkan kepada peratusan yang menjawab “ ya “ lebih 70% bagi tujuh item daripada sebelas item yang tersenarai. Adapun aspek pengalaman pula, jika berdasarkan kepada min daripada jadual yang dinyatakan terdapat dua belas kenyataan skor min yang sederhana, iaitu antara 3.72 hingga 3.98, ini menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana dalam mempraktikkan perkara-perkara tersebut di dalam pengajaran mereka. Bagi aspek kesediaan pula, analisis yang diperolehi menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam berupaya untuk melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran mereka, bila mana 52% hingga 100% guru

menjawab “ya” bagi item yang disediakan, cuma 15% hingga 48% sahaja yang menjawab “tidak”.Dapatan kajian ini secara keseluruhannya dapat memberikan gambaran sebenar tentang tahap keupayan guru-guru Pendidikan Islam terhadap pendedahan yang mereka miliki mengenai model pengajaran simulasi, pengalaman melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran mereka dan tahap keupayaan mereka untuk melaksanakan model pengajaran simulasi.

Berikut merupakan dapatan utama kajian ini ;

- I. Majoriti tenaga pengajar mata pelajaran Pendidikan Islam berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam selama 1- 10 tahun, di mana setiap 17 orang (37%) masing-masing telah mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam antara 1-5 tahun dan antara 6 – 10 tahun.
- II. Persoalan Kajian 1 ( Bahagian B ) : Apakah guru-guru Pendidikan Islam pernah menerima pendedahan untuk menggunakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran?

Majoriti guru-guru memberikan persepsi positif terhadap persoalan ini. Terdapat 70% guru yang menjawab “ ya” bagi tujuh kenyataan daripada sebelas kenyataan yang disebutkan. 96% adalah bagi item yang ketiga, iaitu “Latihan yang diterima mengenai model pengajaran simulasi penting untuk meningkatkan

pengetahuan guru terhadap ciri-ciri model pengajaran simulasi. 87% pula bagi item yang pertama “ Saya pernah didedahkan mengenai model pengajaran simulasi semasa pra perkhidmatan di maktab dan universiti”. 87% juga bagi item yang keenam “Saya mendapat pengetahuan mengenai model pengajaran simulasi melalui bahan bacaan”. 80% bagi item kelima iaitu”Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti model pengajaran simulasi dalam pengajaran”. 78% pula bagi item keempat “Latihan yang diterima memberi imput yang mencukupi untuk guru melaksanakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran”. 76% bagi item kedua “Saya pernah didedahkan mengenai model pengajaran simulasi semasa dalam perkhidmatan” dan 72% bagi item ketujuh dengan kenyataan “Saya memperolehi pengetahuan mengenai model pengajaran simulasi melalui perbincangan dengan rakan-rakan”. Dapatan kajian bagi persoalan ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam pernah menerima pendedahan tentang model pengajaran ini, Cuma sebahagian kecil sahaja daripada mereka yang menjawab “ tidak” iaitu mewakili 52% - 89% sahaja.

### III. Persoalan Bahagian II ( Bahagian C ) : Sejauh manakah guru-guru Pendidikan Islam mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam berasaskan model pengajaran simulasi ?

Sebanyak 20 item yang merupakan kenyataan berkaitan pengalaman guru-guru Pendidikan Islam menggunakan model pengajaran simulasi dalam proses

pengajaran telah disenaraikan. Berdasarkan skor min yang diperolehi, menunjukkan semua responden berpengalaman mengajar dengan menggunakan kaedah simulasi. Ini membuktikan bahawa guru sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka, termasuklah menggunakan model pengajaran simulasi ini.

IV Persoalan Bahagian III ( Bahagian D ): Apakah guru-guru Pendidikan Islam bersedia untuk menggunakan model pengajaran simulasi dalam menjalankan aktiviti pengajaran mereka ?

Majoriti guru-guru Pendidikan Islam memberikan jawapan “ya” bagi persoalan ini, ianya mewakili 52 % - 100 % terhadap sebelas kenyataan daripada lima belas kenyataan yang disenaraikan. Guru-guru lebih melihat kepada kesan positif pelaksanaan terhadap pelajar, bilamana 100% mereka menjawab “ya” bagi item yang kesebelas “Melalui model pengajaran simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis” dan item kedua belas “Melalui pelaksanaan model pengajaran simulasi proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik”. Cuma 15% - 48% sahaja guru yang menjawab “tidak” bagi kenyataan-kenyataan lain.

### **5.3 Perbincangan Dapatan Kajian**

Perbincangan dalam dapatan kajian difokuskan kepada tenaga pengajar, pendedahan model pengajaran simulasi di kalangan guru-guru Pendidikan Islam, pengalaman yang mereka miliki tentang model dan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran mereka.

### 5.3.1 Tenaga Pengajar

Majoriti tenaga pengajar mata pelajaran Pendidikan Islam berpengalaman mengajar selama 1-10 tahun. . Pratt (1980) berpendapat guru-guru baru lebih mudah menerima saranan dan idea-idea baru, dengan kata lain mereka sepatutnya lebih bersikap positif dalam melaksanakan inovasi pendidikan masa kini. Setiap orang guru memiliki naluri sebagai pendidik yang mengerakkan mereka untuk membentuk tingkah laku yang positif sebagai sumber penggerak yang diwarisi.

Dapatan berdasarkan pemerhatian dan perbualan secara tidak langsung terhadap responden mendapati, guru-guru yang kurang berpengalaman mempunyai tingkah laku positif yang sama dengan guru-guru yang berpengalaman. Hal ini ialah kerana sampel kajian merupakan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekitar daerah Kota Tinggi, Johor. Walaupun mereka mengajar pelajar-pelajar yang tinggal dalam budaya dan persekitaran yang berbeza, tetapi guru-guru terbabit mempunyai desakan dalaman yang sama untuk memberi pendidikan kepada para pelajar mereka.

Pengkaji berpendapat bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam sesuai diajar oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam berasaskan kepada pelbagai kaedah dan strategi. Ianya bertepatan dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa guru berkeyakinan menggunakan model pengajaran simulasi dalam proses pengajaran mereka dan melihat model ini akan mampu memberikan kesan yang positif kepada pelajar dan mereka sendiri. Guru-guru berkeyakinan bahawa pelajar akan lebih merasa seronok, rasa dihargai, dibimbing dan diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti dan berpeluang menyumbang idea serta menunjukkan bakat dan kreativiti mereka. Guru-guru pula akan dapat menggalakkan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan pelajar dan dapat memindahkan pengalaman dan pengajaran secara lebih baik.

### **5.3.2 Pendedahan Model Pengajaran Simulasi Di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam**

Perbincangan dalam bahagian ini meliputi aspek pendedahan guru terhadap model pengajaran simulasi. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar guru mengatakan mereka pernah mendapat pendedahan mengenai model pengajaran simulasi melalui latihan dan kursus yang diadakan, bukannya daripada usaha sendiri untuk mendapat maklumat dan pengetahuan mengenai model pengajaran simulasi ini. Isu yang boleh ditimbulkan di sini ialah apakah dengan mengadakan latihan dan kursus berkaitan model pengajaran ini akan dapat menambahkan pengetahuan dan pendedahan kepada guru-guru, tanpa berusaha sendiri untuk memperolehi maklumat tentang model pengajaran simulasi ini?. Isu ini agak sukar dijawab kerana terdapat banyak faktor yang mungkin terlibat kenapa guru-guru lebih gemar memperolehi maklumat dengan menghadiri latihan atau kursus berbanding dengan usaha sendiri. Mungkin guru-guru memerlukan penerangan yang lebih jelas dan menyeluruh tentang model pengajaran simulasi ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 96% guru menyatakan “Latihan yang diterima mengenai model pengajaran simulasi penting untuk mempertingkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri model pengajaran simulasi”. Pengkaji berpendapat latihan dan penjelasan secara terperinci perlu didedahkan kepada guru-guru sebagai persediaan untuk melaksanakan model pengajaran simulasi di peringkat sekolah. Cara begini mungkin dapat memperkayakan lagi pengetahuan dan pendedahan guru mengenai model pengajaran ini, berbanding dengan cara memperolehi maklumat daripada laman web, program pendidikan di televisyen dan dari pusat sumber sekolah. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor masa dan kekurangan bahan.

Pengkaji juga berpendapat sekiranya mata pelajaran Pendidikan Islam ingin dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang diminati oleh pelajar, mudah difahami secara teori dan praktikal, maka para guru yang bertindak sebagai tenaga pengajarnya perlu didedahkan dengan pelbagai teknik dan strategi pengajaran pembelajaran yang lebih berkesan seperti model pengajaran simulasi ini. Di samping para guru sendiri berusaha melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran kaedah pedagogi untuk menjadikan proses pengajaran pembelajaran lebih berkesan.

### **5.3.3 Pengalaman Yang Di miliki Oleh Guru Pendidikan Islam Tentang Model Pengajaran Simulasi**

Kebanyakan responden memaklumkan bahawa mereka berpengalaman menggunakan model pengajaran simulasi dalam pengajaran mereka di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua item yang dinilai oleh responden berada pada min yang sederhana iaitu antara 3.11-3.98.

Bagi kategori kenyataan yang berkaitan dengan proses memaklumkan kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran, memilih peristiwa yang sesuai, memberi bimbingan, penyediaan bahan, sesi latihan dan penerangan berada pada tahap sederhana. Pengkaji berpendapat ianya mungkin dipengaruhi oleh faktor kesuntukan masa, kekurangan bahan bantu mengajar dan mungkin disebabkan mata pelajaran Pendidikan Islam memang kurang bahan bantu mengajar yang sesuai dan berkesan kepada pelajar.

#### **5.3.4 Kesiediaan Guru-guru Pendidikan Islam Untuk Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi Dalam Mata pelajaran Pendidikan Islam.**

Dapatan kajian menunjukkan, secara keseluruhannya guru-guru bersedia untuk menjalankan proses pengajaran berasaskan model pengajaran simulasi. Pengkaji berpendapat guru-guru cenderung untuk menjalankan aktiviti melalui model ini ialah apabila mereka melihat kepada kesan yang akan diperolehi nanti kepada pelajar dan mereka sendiri. Guru akan merasai proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik dan pelajar akan dilatih berfikiran kritis. Bagi kedua-dua kenyataan ini 100% responden menyatakan mereka bersedia dan mampu untuk menjalankan proses pengajaran. Sebahagian besar responden juga menyatakan keyakinan mereka iaitu 96% berbanding Cuma 4% yang menyatakan tidak yakin untuk melaksanakan model pengajaran simulasi ini dalam pengajaran mereka.

Responden yang tidak yakin terhadap model pengajaran simulasi ini ialah kerana mereka kurang memahami dan menguasai konsep model pengajaran ini, walaupun mereka telah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus dan latihan dalam perkhidmatan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden kurang bersedia untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran dijalankan, begitu juga terdapat responden yang menyatakan mereka bimbang dengan pelaksanaan model ini jika mengganggu kelas-kelas lain yang berhampiran. Ini semua memberikan gambaran awal tentang kekurangan dalam pelaksanaan model pengajaran ini. Kekurangan yang ada ini perlu diatasi dan ditingkatkan dari masa ke masa supaya pelajar kekal bersungguh-sungguh mengikuti dan mempelajari serta meminati mata pelajaran Pendidikan Islam.

Isu yang boleh ditimbulkan daripada dapatan kajian ini ialah apakah kekuatan dalam pelaksanaan model pengajaran simulasi sama mengikut persepsi pelajarnya?. Walaupun model pengajaran simulasi boleh diaplikasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, namun kesediaan tenaga pengajarnya agak sederhana tetapi pada pandangan pelajar mungkin berbeza. Oleh itu pada masa akan datang kajian lanjut perlu dijalankan ke atas pelajar sebagai perbandingan dapatan kajian.

#### **5.4 Implikasi Dan Cadangan Kajian**

Perbincangan bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu perbincangan mengenai implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan.

##### **5.4.1 Implikasi Kajian**

Kajian ini telah dapat memperolehi banyak maklumat awal yang sangat berguna mengenai pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Dapatan kajian ini diyakini adalah kerana kaedah kajian dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip pengkaedahannya melalui analisis soal selidik. Memandangkan faktor jangka masa kajian yang terhad telah menyebabkan kaedah kajian lain seperti temu bual tidak dapat dijalankan.

Pada peringkat awal kajian, pengkaji berhadapan dengan kesukaran dalam menentukan bilangan sampel kajian. Bilangan populasinya agak sedikit iaitu 105 orang sahaja . Bilangan sampel yang tidak sama antara sekolah juga mungkin boleh mempengaruhi ketepatan dapatan kajian. Sehubungan dengan itu, dalam kajian-kajian akan datang dicadangkan agar ke semua sampel diambil kira sebagai responden bagi menghasilkan ketepatan kajian.

Dalam kajian ini banyak implikasinya ke atas pelaksanaan model pengajaran simulasi, tahap pendedahan yang rendah di kalangan sebahagian kecil responden boleh ditingkatkan. Keseimbangan dalam pendedahan dan pengalaman penting terutamanya dalam membantu mempertingkatkan tahap kesediaan guru dalam menjalankan proses pengajaran berasaskan model simulasi.

Majoriti guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam antara 1 – 10 tahun, jika dilihat dari sudut pengalaman, ia masih kurang berpengalaman. Ini memerlukan peningkatan pengalaman supaya pelaksanaannya juga lebih berkualiti. Strategi dalam pelaksanaan, penerangan bidang tugas pelajar, penggunaan bahan dan beberapa perkara lain lagi perlu diambil kira. Kepelbagaian kaedah pengajaran perlu dipertingkatkan mengikut kesesuaian pelajarinya bukan hanya menggunakan kaedah kuliah atau ceramah supaya keberkesanan pelaksanaannya juga dapat di tingkatkan dari semasa ke semasa.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai kekuatannya yang tersendiri, walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kelemahan yang perlu diatasi segera supaya ianya tidak akan menyebabkan berlakunya pembaziran masa dan tenaga. Dapatan kajian ini boleh memberikan implikasi yang sangat besar dalam pelaksanaan model pengajaran simulasi, khususnya di dalam penambahan masa interaksi antara pelajar dan guru.

#### **5.4.2 Cadangan Kepada Pihak-pihak Yang Berkenaan**

Pihak penggubal Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah di Kementerian Pelajaran Malaysia dapat menggunakan dapatan kajian ini sebagai panduan dalam menggubal kurikulum Pendidikan Islam serta memperbaiki kelemahan dalam pelaksanaannya. Maklumat daripada kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berminat menggunakan pedagogi yang penting ini dalam pengajaran mereka.

Namun begitu tidak dinafikan, masih terdapat juga kelemahan pada kajian ini yang diharapkan nanti dapat diperbaiki pada penyelidikan masa depan agar keesahan dan kebolehpercayaan lebih meyakinkan. Pengkaji merasakan bahawa bilangan item bagi aspek-aspek yang dikaji terutamanya aspek pendedahan adalah agak sedikit. Hal ini kemungkinan akan mengurangkan keesahan kajian ini. Pengkaji sebenarnya menghadapi masalah kekangan masa untuk mendapatkan soal selidik yang tepat dalam kajian ini. Dengan ini diharapkan penyelidikan seterusnya cuba memperbaiki kekurangan kajian ini.

#### **5.4.3 Cadangan Kajian Lanjut**

Kajian lanjut perlu dilaksanakan supaya kajian tentang pelaksanaan model pengajaran simulasi ini lebih bermakna dalam menyumbang perkembangan pendidikan negara. Di antara kajian yang dapat dilakukan ialah kajian keberkesanan pelaksanaan

model pengajaran simulasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut persepsi pelajar dalam konteks pengajaran guru. Kajian tentang pelaksanaan model pengajaran ini khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam juga dengan melibatkan bilangan sampel yang lebih besar dan merangkumi lokasi yang lebih luas supaya dapatan yang diperolehi lebih menyeluruh.

## **5.5 Penutup**

Salah satu kaedah pengajaran yang mungkin berkesan kepada pelajar ialah melalui pelaksanaan model pengajaran simulasi, walau bagaimanapun keberkesanan pelaksanaannya turut berkait rapat dengan tahap kesediaan guru yang melaksanakannya. Kajian ini memberikan dapatan awal mengenai pelaksanaan model pengajaran simulasi di negara kita. Beberapa aspek seperti pendedahan, pengalaman dan tahap kesediaan guru perlu diberi perhatian, ini kerana ianya dikenalpasti dapat membantu mempertingkatkan proses pelaksanaan pendidikan di negara kita.

## BIBLIOGRAFI

- Abdel Haleem, M. (2002). *"The prophet Muhamad as a teacher"*: Implications for hadith literature. *The Islamic Quarterly*.26(2):21-137.
- Abdul Ghani & Amatul-Razzaq. (1991). *"The role of Islamic education in the modern age"*. Dalam *The Education Conference Book*. Amman, Jordan:International Institute of Islamic Thought, Islamic Studies and Research Association, Yarmouk and Mu'ta University.
- Abdul Halim El-Muhammadi. (1995). *"Pendidikan Islam Di Malaysia"*. *Pendidikan Islam*. 7(2):155-164.
- Abdul Main Salimon & Abdullah Mohd Noor. (1993). *"Pendidikan Guru Untuk Kecemerlangan Berfikir"*. *Prosiding Konvensyen Antarabangsa Kecemerlangan Berfikir*. hlm 147-162.
- Abdul Malik Samuri. (1997). *"Penggunaan Bahan Sumber Pengajaran Di Kalangan Guru Bahasa Melayu Daerah Muar"*. Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana Pendidikan.
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman. ( 2003). *"Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum"*. Kuala Lumpur:Quantum Books.
- Abdullah Ishak (1989). *"Sejarah perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam"*. Petaling Jaya, Selangor :Al-Rahmaniah.

Abdullah Nasih Ulwan. (1988). "*Tarbiyyah al-aulad fi al-Islam*". Al-Qahirah: Dar al-Islam.

Al-Najati, Muhamad Uthman. (1987). "*Al-Quran wa 'ilm-al-nafs*". Beirut: Dar al-Syuruq.

Al-Syaibani, Omar Nuhanad al-Toumi. (1979). "*Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiah*". Libya: Al-Mansya'ah al-Sya'biyyah li al-Nasyr wa al-Tauzi' wal'lam'.

Anderson & Milliren. (1983). Dlm. "*Including Students With Special Needs*". A Practical Guide for Classroom Teachers. (1996). Marilyn Friend & William D. Bursuck. Allyn and Bacon, Boston

Adnan Yusopp. (2003). "*Dasar Pendidikan Islam Negara : Pelaksanaan Dan Keberkesanan Sistem Pendidikan Di Sekolah-sekolah Kerajaan*". dlm. Suzalie Mohamad. "*Memahami Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia*". Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 35.

Ahmad Yunus Kasim. (2000). "*Mata Pelajaran Elektif Tasawwur Islam KBSM : Kesannya Terhadap Perubahan Sikap Pelajar Sekolah-sekolah Menengah Daerah Seremban*". Kajian Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia..

Atan Long. (1982). "*Psikologi Pendidikan*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

Biggs, J. B. & Moore P. J. (1993). "*The Process of learning*". New York: Prentice Hall.

Booth, M. K. & James, B. K. (2001). "*Interactive Learning In A Higher Education Level 1 Mechanic Module*". Research Report. Vol 23, 9.955-967.

- Bruce Joyce and Marsha Weil . (1986). "*Models of Teaching*". Third Edition. Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs. New Jersey.
- Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua. (2005). Kementerian Pelajaran Malaysia. DBP. Kuala Lumpur.
- Curvin, J., Furnival, J. (1994). "*The assessment of competence through simulation*". Dlm. Roger Armstrong, Fred Percival and Danny Sounders. "The Simulation and Gaming Yearbook Volume 2 , Integrative Learning, 9-35. Kogan Page Limited London.
- Donn Byrne. (1988). "*Focus on the classroom*". Modern English Publications.
- Dr. Tajul Ariffin Nordin dan Dr. Nor' Aini Dan . (2002). "*Pendidikan & Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepadu*". Selangor : As-Syabab Media.
- Dunn & Dunn, K. (1978). "*Teaching Students Through Their Individual Learning Styles : A Practical Approach*". Roston, VA: Reston Publishing
- Eggen, P. D & Kauchak, D.P. (2001). "*Strategies for teacher*" : Teaching content and thinking skills. New York : Allyn and Bacon
- Frostig, M. & Maslow, P. (1973). "*Learning problems in the classroom*". New York : Grune & Stratton Inc.
- Halizah bt Ibrahim. (2003). "*Kesan Program Kecergasan Fizikal Dalam Melakukan Aktiviti Simulasi Tawaf*". Projek Sarjana Muda .UTM.

- Hassan Langgulung. (1981). *"Beberapa pemikiran tentang pendidikan Islam"*. Bandung: PT al-Ma'arif.
- Hj. Zainal Abidin Hj. Abdul Kadir. (1993). *"Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah: Matlamat Dan Harapan"*. dlm. Ismail Ab. Rahman. *"Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia : Cabaran & Harapan"*.18-15.
- Juliana bt. Jarudin. (2003). *"Kesan Program Kecergasan Fizikal Dalam Melakukan Aktiviti Simulasi Saie."*Projek Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan(Sains Sukan). UTM.
- Keefe,J.W. (1987) . *" learning style theory ang practice."* Reston VA:National Association of Secondary School Principles.
- Kerr, S.T. (1999). Visions of Sugar plums : *"The future of technology, education and the schools"*. Dlm. M.J. Early, &K.J.Rebage(Eds). Issues in curriculum. Chicago:University of Chicago Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). *"Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM"*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia . (2003). *"Kursus Pendedahan Kurikulum Semakan KBSR & KBSM"*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia . (1988). *"Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran 1979"*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia . (1990). *"Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Falsafah Pendidikan Negara"*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka. 4647.

- Kementerian Pelajaran Malaysia . (2004). "*Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan Dua*".
- Lee Shok Mee. (1993). "*Asas Pengajaran Sains Sekolah Rendah*". *Kumpulan Budiman, Kuala Lumpur.*
- Lim Chien Yee. (2002). "*Pengajaran Dan Pembelajaran Komputer Berasaskan Video Interaktif Dan Simulasi*". Projek Sarjana Muda Teknologi Pendidikan (Kejuruteraan Awam). UTM
- Mc Donell, J.J. Horner, R. H., &Williams, J.A. (1984). "*Comparison of three strategies for teaching generalized grocery purchasing to high school students with severe handicaps*". *Journal of the Association for persons with severe handicaps*, 9, 123-133.
- Moddux,Cleborne, D. (1992). "*Educational Computing : Learning With Tommorows Technologies*". Allyn and Bacon.
- Mohd Ariff Kasmu. (1988). "*Pembangunan Akhlak Pelajar di Sekolah Agama*". *Jurnal Pendidikan* , 23:119-127. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Kamal Hassan . (1988). "*Peranan Akhlak Dalam Pendidikan*". 2(7) : 1-12.
- Morse,T., (1996). "*Grocery Shopping Skills for persons with moderate to profound intellectual disabilities:A review of the literature*". *Education and Treatment of Children*, 19, 487-517.
- Muhammad Uthman el-Muhammadi. (2003). "*Masa Hadapan Pendidikan Di Sekolah Agama Rakyat*". dlm. Suzalie Mohamad. "*Memahami Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia*". 293.IKIM.

- Omar bin Salleh. (2004). *"Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Kalangan Guru-guru Daerah Segamat"*, Tesis Sarjana Pendidikan, UTM
- Pierce, W. & Lorber, M. A. 1967. *"Objectives and methods for Secondary Teaching"*. Englewoods Cliffs : N. J. Prentice Hall.
- Mc Donell, J. J., Horner, R. H., & Williams, J. A. (1984). *"Comparison of three strategies for teaching generalized grocery purchasing to high school students with severe handicaps"* . Journal of the Association for persons with severe handicaps, 9, 123-133.
- Prof. Dr. Abdul Hamid Abdullah dan Embong Mohamed . (1993). *"Pendidikan Islam Di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA) : Masalah dan Prospek"*. dlm. Ismail Ab. Rahman. *"Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia : Cabaran & Harapan"*. 158-172.
- Prof. Dr. Sidek Baba . (2005). *"Pendidikan Islam dan Proses Integrasi Dalam Membangunkan Islam Hadhari"*, Kertas Kerja Kursus Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari Untuk Jurulatih Utama. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, JAPIM Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *"Pembelajaran Secara Kontekstual"*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramsdem, P. (1992). *:"Learning to teach in higher education"*. New York : Routledge Falmer.

- Reiser and Dick. (1996). *"Instructional Planning" A Guide for Teachers*. Needham Heights, Massachusetts : Allyn and Bacon.
- Rio Sumarni Shariffudin. (1997). *"Pengajaran dan Pembelajaran Sains Berbantuan Komputer"*, Jurnal Pendidikan. UTM, Jld. 3(1):1-5.
- Rosdi bin Md.Din . (2000). *"Kaedah Simulasi : Suatu Tinjauan Terhadap Kefahaman Dan Masalah Guru-guru Sains Di Sekolah Rendah Daerah Kuantan, Pahang"*. *Projek Sarjana Muda. UTM.*
- Schmeck, R. R. (1988). *"Strategies and styles of learning : An integration of varied perspective"* dlm. R.R Schmeck (ed) *Learning strategies and learning styles*. New York : Plenum Press.
- Schwalt, J. (1973). *"The practical 3 : "Translation into curriculum"*. *School Review*. 81:501-522 )
- Shafer, M.S., Inge, K.J, & Hill, J. (1986). *"Acquisition, generalization and maintenance of automated banking skills"*. *Education and Training of the Mentally Retarded*, 21, 265-272.
- Sim Wong Kooi. (1989). *"Evolution of educational excellence 25 years of education in Singapore"*, Singapore : Longman.
- Sobri Salamon & Haron Din. (1988). *"Masalah pendidikan Islam di Malaysia"*. Kuala Lumpur : al-Rahmaniah.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990).
- Syarifah Alwiah Al Sagoff . (1985). *"Sosiologi Pendidikan"*, Hineman Kuala Lumpur.

- Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. (1992). "*Tujuan dan objektif Pendidikan Islam*". Terjemahan Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- T.Subahan Mohd Meerah. (2003). "*Isu-isu Perkaedahan pengajaran pendidikan Islam*". Prosiding Wacana Pendidikan Islam, 3:429-437
- Tyler,R.W. (1949). "*Basic principles of curriculum and instruction*". Chicago : University of Chicago Press.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. (1993). "*Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*". Kuala Lumpur : Nurin Enterprise
- Wesling, D. L. , , & Floyd, J. (1990). "*Generalization of Community Skils*". :*How much training is necessary?*. *Journal of Special Education*, 23, 386-406.
- Zakaria Abdul Rahman. (1998). "*Pembinaan dan Pengujian Modul Latihan Keusahawanan Pertanian Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*". Tesis PhD:UKM.
- Zakiah bt. Mohd Yusof . (2003). "*Kesan Program Kecergasan Fizikal Dalam Melakukan Aktiviti Simulasi Melontar*". "Projek Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) UTM.

**LAMPIRAN A****BORANG SOAL SELIDIK****BAHAGIAN A  
MAKLUMAT DIRI**

**Sila tandakan (/) dalam ruangan yang sesuai.**

1. Sekolah Bandar( ) Luar Bandar( )
2. Jantina Lelaki ( ) Perempuan ( )
- 3.. Pengalaman Mengajar Pendidikan Islam:
  - a. 1 – 5 tahun ( )
  - b. 6 – 10 tahun ( )
  - c. 11 – 15 tahun ( )
  - d. 16 – 20 tahun ( )
  - e. 21 – 25 tahun ( )

### BAHAGIAN B

Bahagian ini terdiri daripada aspek pendedahan guru mengenai Model Pengajaran Simulasi.

Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan anda.

<b>Pendedahan mengenai Model Pengajaran Simulasi</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
1.Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa pra perkhidmatan di maktab atau di universiti.		
2.Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa dalam perkhidmatan.		
3.Latihan yang diterima mengenai Model Pengajaran Simulasi penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri Model Pengajaran Simulasi.		
4.Latihan yang diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan Model Simulasi dalam pengajaran		
5.Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran.		
6.Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi melalui bahan bacaan		
7.Saya memperoleh pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi melalui perbincangan dengan rakan.		
8.Saya memperoleh pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah.		

<p>9.Saya memperoleh pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan melayari laman web mengenai Model Pengajaran Simulasi</p> <p>10.Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada pusat sumber sekolah.</p>		
<p>11. Saya memperoleh pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan mengikuti program pendidikan di televisyen mengenai Model Pengajaran Simulasi</p>		

### BAHAGIAN C

Bahagian ini terdiri daripada aspek pengalaman guru Pendidikan Islam menggunakan Model Pengajaran Simulasi dalam proses pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Sila tandakan (/) dalam petak yang berkenaan mengikut respons yang dipilih seperti di bawah.

1. Tidak melakukan
2. Sekali sekala
3. Kadang-kadang melakukan
4. Selalu melakukan
5. Sentiasa melakukan

Saya memiliki pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dengan melakukan aktiviti berikut:

Bil.	Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Aktiviti Berikut :	1	2	3	4	5
1.	Memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui model simulasi					
2.	Memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktiviti					
3.	Memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti					
4.	Menyediakan bahan bantu mengajar sebelum memulakan aktiviti.					
5.	Memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti.					
6.	Memaklumkan kepada murid tentang peranan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti					
7.	Melatih murid agar mereka faham apa yang akan					

	dilakukan berkaitan tajuk yang telah dipilih					
8.	Memberi latihan kepada murid bagaimana untuk membawa watak dalam aktiviti yang akan dijalankan.					
9.	Mengadakan beberapa sesi latihan agar murid dapat menghayati watak dalam aktiviti					
10.	Membimbing murid melakukan aktiviti sebelum pelaksanaan aktiviti sebenar					
11.	Memastikan semua murid akan terlibat dalam aktiviti yang dijalankan					
12.	Memilih murid sebagai peserta yang akan membawa watak dalam aktiviti					
13.	Membimbing murid untuk bekerja di dalam satu kumpulan					
14.	Membimbing murid untuk mengeluarkan idea,menunjukan bakat dan kreativiti mereka					
15.	Memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat					
16	Memberi peluang kepada murid melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan					
17	Memberi dorongan kepada murid menggunakan pancaindera dan bahan bantu yang disediakan secara langsung					
18	Meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru					
19	Mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan					
20	Menghargai bakat dan kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan					

## BAHAGIAN D

Bahagian ini terdiri daripada aspek keupayaan guru Pendidikan Islam melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan anda.

<b>Bil.</b>	<b>Keupayaan Guru Dalam Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi</b>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
1.	Saya memulakan pengajaran dengan set induksi.		
2.	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan Model Simulasi		
3.	Saya merancang aktiviti yang berteraskan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran		
4.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar "maujud" dalam pengajaran berasaskan Model Simulasi		
5.	Saya akan memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah		
	Saya akan meminta tolong guru / rakan dalam menyediakan bahan bantu mengajar.		
7.	Jika perlu,saya akan meminta bantuan daripada agensi luar untuk mendapatkan bahan bantu mengajar.		
8.	Jika perlu,saya juga akan mendapatkan kerjasama pihak Pusat Kegiatan Guru (PKG) Daerah dalam penyediaan bahan bantu mengajar.		
9.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dengan kos yang rendah		
10.	Saya yakin melalui pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah		

11.	Melalui Model Pengajaran Simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis		
12.	Melalui Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik		
13.	Saya yakin keselamatan murid akan terjamin dengan pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi		
14.	Saya berasa agak sukar untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran.		
15.	Saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini akan mengganggu kelas lain.		
16.	Saya tidak pasti murid akan mampu untuk melaksanakan watak atau tugas yang telah diberikan kepada mereka.		
17.	Saya tidak yakin untuk melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran sebab saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai model ini.		